**RANCANGAN PERNIAGAAN**

# HASIL BUMI ENTERPRISE
# Penanaman Sayur-sayuran secara Komersil

DISEDIAKAN UNTUK :

EN. AHMAD NAQIYUDDIN B SANUZI BAKAR

PENSYARAH ETR 300


DISEDIAKAN OLEH :

| | |
|---|---|
| ALSIDI MOHAMED | 96132172 |
| LIHAT HIRING | 96527510 |
| NORAZLIN OTHMAN | 96868374 |
| SUHATI MARSILAH BT SHARON | 96376430 |
| ZULHAKIM ZAKARIA | 96849031 |


SEMESTER 05

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

SESSI MEI – OKTOBER 1998

# Sekapur Sirih

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia-Nya dapat jua kami menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini. Sememangnya begitu ramai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam usaha menyiapkan rancangan perniagaan *HASIL BUMI ENTEREPRISE* ini.

Oleh itu kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih pertama sekali kepada pensyarah kami En. Ahmad Naqiyuddin b. Sanuzi Bakar kerana menunjuk hala dan menyuluh jalan sepanjang tugasan ini dijalankan. Tidak lupa juga pensyarah-pensyarah kuliah ETR yang lain , ahli-ahli kumpulan dan rakan semedan akedemik dan juga ibu bapa kami dan keluarga kami yang telah banyak berkorban dan begitu memahami diri kami.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang khas daripada kami kepada:-

En. Razin b. Baba
Pegawai Pertanian
Jabatan Pertanian
Alor Gajah
Melaka

En Darwis b Ahmad
Petani
Kg Perling
Simpang Empat
Melaka

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

En Wong Han Sing

Petani

Kg Perling

Simpang Empat

Melaka

Pn Hajah Norlaili

MEDEC

ITM Melaka

dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalm usaha kami menyiapkan rancangan perniagaan Hasil Bumi Enterprise dari awal hinggalah ke akhir.

Sermoga Allah mengurniakan ganjaran yang baik kepada anda sekalian di dunia dan di akhirat, Insyaalaah....

Sembah salm dari kami

*Alsidi Muhamad*

*Lihat Hiring*

*Norazlin Othman*

*Suhati Marsilah Sharon*

*Zulhakim Zakaria*

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

Pelajar Semester 05
Diploma Pentadbiran Awam
Institut Teknologi Mara
Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

8 Oktober 1998

En. Ahmad Naqiyuddin b Sanuzi Bakar
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
Melaka

Tuan

Penyerahan Rancangan Perniagaan *HASIL BUMI ENTERPRISE*

Merujuk kepada perkara di atas, kami dengan ini menyerahkan Rancangan Perniagaan kami sebagaimana yang telah di arahkan oleh tuan. Projek perniagaan yang kami rancangkan di beri nama *HASIL BUMI ENTERPRISE* iaitu penanaman dan pengedaran sayur-sayuran secara komersil.

Rancangan perniagaan ini ialah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan matapelajaran Asas Keusawanan ( ETR 300 ) yang di ambil oleh pelajar Semester 05 di ITM . Matapelajaran ini membolehkan para pelajar mengetahui dan mempelajari cara-

cara menjalankan sesebuah perniagaan dan juga mengorientasikan para pelajar kepada dunia perniagaan dan keusahawanan .

Kami berharap agar tuan akan berpuashati dengan hasil usaha kami ini. Kami dengan ini menyerahkan rancangan perniagaan *HASIL BUMI ENTERPRISE* ini untuk penilaian akedemik kepada pihak tuan.

Sekian, kami akhiri dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

ALSIDI MOHAMAD

LIHAT HIRING

NORAZLIN OTHMAN

SUHATI MARSILAH SHARON

ZULHAKIM ZAKARIA

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN**

Surat ikatan perjanjian ini di buat di Amirul Hakim Corner, di B1987, Pusat Perdagangan Seri Perling, Taboh Naning, 78600 Alor Gajah Melaka pada 31Disember 2003 diantara rakan kongsi perniagaan tersebut dibawah. Perjanjian ini akan menjalankan perusahaan tanaman sayur-sayuran secara komersial dan menggunakan teknologi moden. Ahli-ahli kongsi adalah terdiri daripada:-

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Alsidi b Mohamad | 7807274-10-5407 |
| 2. | Lihat b Hiring | 781206-05-5371 |
| 3. | Norazlin bt Othman | 780509-10-5754 |
| 4. | Suhati Marsilah bt Sharon | 780101-14-6026 |
| 5. | Zulhakim b Zakaria | 780911-05-5409 |

Seterusnya pekomgsi-pekongsi akan dikenali sebagai KAMI di dalam surat perjanjian perkongsian ini. Maka dengan ini bahawa KAMI bersetuju menjadi ahli-ahli perkongsian mengikut syarat dan peraturan yang terkandung dibawah ini :-

1.Bentuk perniagaan : Perkongsian

2.Tempoh : 5 tahun

3.Tarikh berkuatkuasa : 1 Januari 2003

4.Perniagaan yang akan kami jalankan adalah secara perkongsian mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 ( Pindaan 1978 )

5. Perniagaan kami akan dikenali sebagai HASIL BUMI Enterprise.
6. Pembahagian keuntungan dan tanggungan kerugian dari perniagaan kami adlah berdasarkan sumbangan modal setiap ahli dalam perkonsian.
7. Jawatan-jawatan yang dipersetujui didalam perkongsian adalah seperti berikut :-
    - Pengurus
    - Pegawai Pentadbiran
    - Pegawai Pemasaran
    - Pegawai Pengoperasian
    - Pegawai Kewangan

8. Setipa ahli kongsi hanya dibenarkan mengambil 15 hari cuti tahunan dengan mendapat persetujuan semua ahli kongsi.
9. Setiap rakan kongsi bertanggungjawab memegang polisi perniagaan dan menyimpan segala rahsia perniagaan. Setiap pindaan dalam perniagaan mestilah mendapat persetujuan dari semua ahli kongsi.
10. Sekiranya berlaku kematian, waris simpati brhak sama ada meneruskan atau menarik diri dari menjadi rakan kongsi. Jika pewaris ingin terus menjadi rakan kongsi, tiada apa-apa pindaan akan dibuat tetapi jika pewaris ingin menarik diri dari meneruskan perniagaan simati, pampasan hanya akan diberi sebanyak 50% dari syer simati dan perniagaan tidak perlu dibubarkan berdasarkan tempoh perjanjian yang dibuat.
    Pekongsi hanya dibenarkan menamakan sekurang-kurangnya 2 orang pewaris sahaja di dalam borang pewaris yang akan disertakan bersama surat ikatan ini.
11. Seseorang rakan kongsi secara automatik akan disingkirkan daripada menjalankan perniagaan sekiranya didapati rakan kongsi itu menjadi gila atau tidak lagi boleh menjalankan perniagaan mengikut persetujuan mahkamah.
12. Pekongsi yang diisytiharkan muflis oleh mahkamah adalah tidak dibenarkan untuk mendapat pampasan dan segala modal sumbangannya dan tidak boleh dituntut seterusnya menjadi milik pekongsi. Segala perjanjian adalah muktamad dan tiada sebarang pindaan boleh dibuat melainkan dengan persetujuan semua rakan kongsi.
13. Sebarang peruntukan yang terdapat di dalam perjanjian ini adalah menggunakan peruntukan Akta Perkongsian ( semakan 1975 ).
14. Adalah menjadi tanggungjawab semua rakan kongsi untuk menjaga nama baik, rahsia dan prestasi perniagaan.
15. Setiap rakan kongsi haruslah bersikap jujur, amanah, ikhlas dan bertolak ansur dengan pekongsi lain.

**PENYERAHAN DARI SEMUA RAKAN KONGSI**

Maka dengan ini KAMI

a) bersetuju dengan segala syarat yang telah ditetapkan di dalam perkongsian ini

b) mematuhi segala sayrat yang telah ditetapkan di dalam perkongsian ini

c) bersetuju jika tindakan undang-undang diambil ke atas ahli-ahli rakan kongsi sekiranya ia menghalang perjalanan perkongsian ini.

| | |
|---|---|
| .............................. | .............................. |
| ( Alsidi Mohamad ) | ( Lihat Hiring ) |
| .............................. | .............................. |
| ( Norazlin Othman ) | ( Suhati Marsilah Sharon ) |
| .............................. | |
| ( Zulhakim Zakaria ) | |

Saksi :

Bahawasanya di sahkan bahawa kami telah menyaksikan di atas perjanjian perkongsian ini.

| | |
|---|---|
| .............................. | .............................. |
| ( Amirul Hakim Zakaria ) | ( Shafiq Iskandar Zairul ) |
| K/P : A3912081 | K/P : A3825462 |
| Tarikh : 31Disember 2002 | Tarikh : 31 Disember 2002 |

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 20hb. Jun 1998
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

| Bil. | Nama Pelajar | No. ITM |
|---|---|---|
| 1. | Norazlin bt. Othman | 96865374 |
| 2. | Suhati Marsilah bt. Sharon | 96376430 |
| 3. | Zulhakim b. Zakaria | 96849031 |
| 4. | Alsidi b. Mohamad | 96132172 |
| 5. | Lihat Hiring | 96527510 |

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarkan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**ROZALLI HASHIM**
**Ketua Kursus DPA**
**ITM Melaka.**
**b/p Pengetua**

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

*PENERANGAN LOGO*

1) Bentuk segitiga yang terdapat dalm logo tersebut melambangkan matlamat dan objektif yang ingin dicapai oleh syarikat kami. Disini, kerjasama dan hubungan perpaduan yang kukuh akan merealisasikan segala aspirasi yang ingin dicapai oleh syarikat kami secara global.

Warna hijau yang terdapat pada segi tiga tersebut bermaksud segala urusan pentadbiran dan pengurusan syarikat ini diimplementasikan dengan kesucian dan kemurniaan berlandaskan Islam.

2) Bentuk trapezium yang terdapat dalm logo tersebut melambangkan kawasan operasi syarikat kami seluas 3 ekar. Didalam kawasan ini terdapat 7 jenis sayur-sayuran yang yang diusahakan oleh syarikat kami.

Warna hijau yang terdapat pada trapezium ini bermaksud sayur-sayuran yang diusahakan adalah segar dan menghijau iaitu ianya bermutu serta berkualiti dalam memenuhi pasaran pelanggan.

Aksara H.B. bermaksud HASIL BUMI ENTERPRISE yang merupakan nama syarikat kami.

*ISI KANDUNGAN*


1.1 Pengenalan

1.2 Tujuan

1.3 Latar belakang Syarikat

2.0 Rancangan Pentadbiran

Pengenalan Operasi

2.0.1 Lokasi tapak projek

2.0.2 Kedudukan fizikal

2.0.3 Bangunan dan pelan

2.0.4 Kemudahan Asas

2.1 Rancangan Organisasi

2.2 Matlamat Organisasi

2.2.1 Matlamat Khusus

2.2.2 Matlamat Am

2.3 Starategi Organisasi

2.4 Struktur Organisasi

2.5 Senarai Jawatan dan Tugas-tugasnya

2.6 Carta Organisasi

2.7 Imbuhan Balas Jasa dan Intensif Pekerja

2.7.1 Gaji

2.7.2 Bonus

2.7.3 Hari Bekerja

2.7.4 Cuti tahunan

2.7.5 Perubatan

2.7.6 PERKESO

2.7.7 KWSP

2.7.8 Penginapan

2.8.1 Jadual Gaji dan Caruman Pekerja bagi Tahun 2003
2.8.2 Jadual Gaji dan Caruman Pekerja bagi Tahun 2004
2.8.3 Jadual Gaji dan Caruman Pekerja bagi Tahun 2005

2.9 Perancangan Keperluan Pejabat
2.10 Perancangan Susun atur Pejabat
2.11 Perbelanjaan Pentadbiran

3.0 Rancangan Pemasaran
3.1 Pendahuluan
3.2 Analisis Pemasaran
3.2.1 Bentuk Pasaran
3.2.2 Saiz Pasaran

3.3 Ramalan Jualan
3.3.1 Syer Pasaran

3.4 Strategi Pemasaran Secara Keseluruhan
3.4.1 Kekuatan Pesaing
3.4.2 Kelemahan Pesaing
3.4.3 Strategi Pengedaran

3.5 Anggaran Perbelanjaan Pemasaran

4.0 Rancangan Operasi
4.1 Rancangan pengeluaran Operasi
4.1.1 Barang yang Dikeluarkan

4.2 Carta Aliran Pengeluaran
4.2.1 Penerangan Carta

4.3 Proses Penanaman
4.3.1 Cara-cara Menanam Timun
4.3.2 Cara-cara Menanam Sawi
4.3.3 Cara-cara Menanam Kacang Buncis
4.3.4 Cara-cara Menanam Terung
4.3.5 Cara-cara Menanam Kacang Panjang
4.3.6 Cara-cara Menanam Bayam
4.3.7 Cara-cara Menanam Cili

4.4 Kawalan Serangga dan Penyakit
4.4.1 Kawalan Serangga dan Penyakit Sayur Timun
4.4.2 Kawalan Serangga dan Penyakit Sayur Sawi
4.4.3 Kawalan Serangga dan Penyakit Sayur Kacang Buncis
4.4.4 Kawalan Serangga dan Penyakit Sayur Terung
4.4.5 Kawalan Serangga dan Penyakit Sayur Kacang Panjang
4.4.6 Kawalan Serangga dan Penyakit Sayur Bayam
4.4.7 Kawalan Serangga dan Penyakit Sayur Cili

4.5 Senarai Harga Bahan Mentah
4.5.1 Senarai Harga Benih
4.5.2 Senarai Harga Racun
4.5.3 Senarai Harga Baja

4.6 Senarai Kelengkapan dan Perbelanjaan Harta
4.6.1 Kelengkapan Kebun
4.6.2 Perbelanjaan Harta
4.6.3 Prbelanjaan Overhed

4.7 Senarai Nama Pembekal
4.8 Anggaran Pengeluaran dan Pendapatan
4.8.1 Anggaran Pengeluaran dan Pendapatan bagi Tahun 2003

4.8.2 Anggaran Pengeluaran dan Pendapatan bagi Tahun 2004
4.8.3 Anggaran Pengeluaran dan Pendapatan bagi Tahun 2005

5.0 Rancangan Kewangan
Pendahuluan
5.1 Sumber Pembiayaan Projek
5.1.1 Modal Sendiri
5.1.2 Bantuan Dari Jabatan Pertanian

5.2 Jadual Susutnilai Aset Tetap
5.3 Kos Perlaksanaan Projek
5.4 Proforma Aliran Tunai
5.5 Proforma Penyata Perdagangan, Untung dan Rugi
5.6 Proforma Penyata Kunci Kira-kira

6.0 Lampiran

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

1.0 *PENGENALAN*

1.1 *HASIL BUMI ENTERPRISE* adalah sebuah perniagaan penanaman dan pengedaran sayur-sayuran secara komersil. Kami melihat perniagaan ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang dan berdaya maju berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan dibawah.

1.1.2 Sayur-sayuran merupakan makanan rugi bagi setiap penduduk di Malaysia mahupun dimana-mana rantau Asia sekalipun. Ia membekalkan segala jenis vitamin yang diperlukan oleh badan manusia. Maka setiap orang memerlukan sayur-sayuran setipap hari.

1.1.3 Sepertimana yang dapat dilihat, bidang ini hanya dipelopori oleh kaum Cina sahaja. Kaum bumiputera yang terlibat hanyalah segelintir sahaja. Oleh itu kami menyahut cabaran kerajaan untuk menceburi bidang penanman dan pengedaran sayur-sayuran secara komersil ini. Kerajaan menyedikan bayak peruntukan untuk kaum bumiputera yang ingin menceburi bidang ini. Oleh itu kami merasakan adalah baik untuk menggunakan peluang yang sedia ada ini sebagi profesen kami .

1.1.4 Objektif syarikat kami dalah untuk mengeluarkan sayur-sayuran yang segar dan kurang bahan kimia agar selamat untuk dimakan. Kami menjalankan penanaman yang bersih mengikut landasan yang telah ditetapkan oleh Islam agar sayur-sayuran kami selamat untuk dimakan oleh orang Islam terutamanya.

1.1.5 Kami juga ingin menunjukkan kepada mata dunia bahawa kaum Bumiputera juga boleh berjaya dalam bidang ini. Dengan itu secara tidak langsung kami akan dapat menanamkan semangat untuk bertani dikalangan Bumiputera.

1.1.6 Walaupuan sasaran pemasaran kami yang pertama adalah kawasan sekitar negeri Melaka, Namun kami akan cuba untuk membantu penduduk Malaysia untuk memenuhi keperluan sayur-sayuran mereka.

1.1.7 Walaupun teknologi semakin canggih dengan penanaman secara hydroponik, insayaalah kami akan cuba untuk meneruskan penanaman secara manual . Namun kami juga mungkin akan bertukar kepada cara penanaman yang lebih canggih apabila ia perlu dalam mengikut peredaran masa dan sekiranya kami mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

1.1.8 Maka berdasarkan prospek masa hadapan yang begitu cerah dalam industri pertanian ini , kami dengan keyakinan yang kukuh dan padu berhasrat ingin menubuhkan perniagaan ini. Kami percaya sekiranya perniagaan ini diusahakan dengan penuh dedikasi dan kesungguhan , dengan gabunan tenaga pengurusan yang mantap dan pekerja yang berkomitmen tinggi, Insyaalh perniagaan ini akan memberi pulangan yang lumayan.

## 1.2 *TUJUAN*

Rancangan Perniagaan (RP) ini disedikan untuk memenuhi tujuan-tujuan seperti berikut :

1.2.1 Memberi gambaran yang jelas kepada usahawan supaya melihat dan menilai projek daripada pelbagai dimensi sacara objektif, kritikal dan praktikal.

1.2.2 Menjadi garis panduan dan sumber rujukan utama bagi menjalankan urusan perniagaan seharian.

1.2.3 Membolehkan kajian dan penilaian dapat dibuat sama ada projek yang bakal dijalankan mempunyia potensi untuk berkembang dan berdaya maju.

1.2.4 RP ini digunakan bagi meyakinkan pihak-pihak tertentu untuk mendapat pembiayaan kewangan projek ini berdasarkan idea-idea dan prospek masa hadapan yang dikemukakan.

1.2.5 Untuk mengagihkan sumber-sumber yang ada secara cekap dan berkesan.

Tetapi, penyediaan Rancangan Perniagaan HASIL BUMI ENTERPRISE ini adalah untuk tujuan akedemik iaitu memenuhi sebahagian daripada keperluan matapelajaran Asas Keusawanan dan di serahkan kepada pensyarah untuk penilaian akedemik.

## 1.3 LATAR BELAKANG SYARIKAT

| | |
|---|---|
| Nama syarikat | : *HASIL BUMI ENTERPRISE* |
| Alamat syarikat | : 1153, Pusat Perdagangan Naning, 78320 Alor Gajah , Melaka. |
| No telefon | : 06-5561153 |
| Bentuk syarikat | : Perkongsian |
| Kegiatan utama | : Penanaman dan pengedaran sayur-sayuran secara komersil |
| Tarikh memulakan perniagaan | : 1 Januari 2003 |
| Modal permulaan | : RM 118,000 |
| Nama bank | : MAYBANK, Alor Gajah. |
| No. akaun syarikat | : |

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | : Norazlin bt. Othman |
| No. Kad Pengenalan | : 780505 - 10 - 5754 |
| Alamat Tetap | : No. 6, Blok 2, Pkt 20,<br>45300 Sungai Besar, Selangor |
| Tarikh Lahir | : 9 Mei 1978 |
| Umur | : 24 Tahun |
| No. Telefon | : - |
| Taraf Perkahwinan | : Bujang |
| Kelulusan Akademik | : Dip. Pentadbiran Awam |
| Kursus Yang Pernah Dihadiri | : (1) Kursus Bina Negara<br>(2) Kursus Keusahawanan |
| Kemahiran | : (1) Boleh Mengaplikasikan Komputer<br>(2) Boleh Bertutur Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Dengan Fasih |
| Pengalaman Bekerja | : (1) Guru Sandaran Sekolah Rendah Swasta, Kuala Lumpur<br>(2) Eksekutif Al-Amin Bhd, Keramat, Kuala Lumpur |
| Pekerjaan Sekarang | : Pembantu Personel Nestle (M) Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor |
| Perniagaan Yang Pernah Diceburi | : - |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | : Suhati Marsilah bt. Sharon |
| No. Kad Pengenalan | : 780101-14 - 6026 |
| AlamatTetap | : No. 7, Lorong 4/7A, Taman Tasik Tambahan, 68000 Ampang, Selangor. |
| Tarikh Lahir | :1 Januari 1978 |
| Umur | : 24 tahun |
| No. Te | : 03 - 4927212 |
| Taraf Perkahwinan | : Bujang |
| Kelulusan Akademik | : Dip. Pentadbiran Awam |
| Kursus Yang Pernah Dihadiri | : Kursus Biro Tatanegara Dan Motivasi Keusahawanan. |
| Kemahiran | : Mahir Mengugunakan Komputer Dan Fasih |
| Bertutur | |
| | Bahasa Inggeris |
| Pengalaman Bekerja | : Pegawai Pentadbiran Zairul & Co. Sdn. Bhd. |
| Pekerjaan Sekarang | : Pembantu Akaun Sugaiti Hasrul Sdn. Bhd. |
| Perniagaan Yang Pernah Diceburi | : Katering |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | : Lihat b. Hiring |
| No. Kad Pengenalan | : 781206-05-5371 |
| Alamat Tetap | : No. 15, Jalan Merlimau, Kampung Jeram Kedah, Ulu Beranang, 71750 Lenggeng, Negeri Sembilan |
| Tarikh Lahir | : 6 Disember, 1978 |
| Umur | : 25 tahun |
| No. Telefon | : 03-75812124 |
| Taraf Perkahwinan | : Bujang |
| Kelulusan Akademik | : Dip. Pentadbiran Awam |
| Kursus Yang Pernah Dihadir | : (1) Kursus Bina Negara<br>(2) Kursus Keusahawanan |
| Kemahiran | : (1) Boleh mengaplikasikan komputer dengan baik<br>(2) Boleh bertutur bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan baik |
| Pengalaman Bekerja: | (1) Pengawal Kualiti, Biografik (M) Sdn. Bhd.<br>(2) Pembaik pulih saluran penghawa dingin |
| Pekerjaan Sekarang | : Pegawai Tadbir , Matsushita (M) Sdn. Bhd. |
| Perniagaan Yang Pernah Diceburi | : Menjual pakaian sukan |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | : Zulhakim b. Zakaria |
| No. Kad Pengenalan | : 780911 - 05 - 5409 |
| Alamat Tetap | : 1661, Jln RJ 2/7, Taman Rasah Jaya, 70300 Seremban, Negeri Sembilan. |
| Tarikh Lahir | : 11 September 1978 |
| Umur | : 24 Tahun |
| No. Telefon | : 06- 6316434 |
| Taraf Perkahwinan | : Bujang |
| Kelulusan Akademik | : Dip. Pentadbiran Awam |
| Kursus Yang Pernah Dihadir | : (1) Kursus Binanegara<br>(2) Kursus Keusahawanan |
| Kemahiran Baik | : (1) Boleh Mengaplikasikan Komputer Dengan<br>(2) Fasih Bertutur Di Dalam Bahasa Melayu Dan Inggeris |
| Pengalaman Bekerja: | (1) Lane Assistant. Golden Bowl Seremban<br>(2) Penolong Pegawai Operasi Nestle (M) Shah Alam, Selangor |
| Pekerjaan Sekarang | : Penolong Pegawai Operasi Motorola Semiconductor, Seremban. |
| Perniagaan Yang Pernah Diceburi | : - |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | : Alsidi b. Mohamad |
| No. Kad Pengenalan | : 780724 - 10 - 5407 |
| Alamat Tetap | : J8508, Kampung Persang Jaya, 77000 Jasin, Melaka |
| Tarikh Lahir | : 24 Julai, 1978 |
| Umur | : 26 tahun |
| No. Telefon | : 06-5294424 |
| Taraf Perkahwinan | : Bujang |
| Kelulusan Akademik | : Dip. Pentadbiran Awam |
| Kursus Yang Pernah Dihadir | : (1) Kursus Keusahawan anjuran MARA<br>(2) Kursus Penerangan Keusahawanan anjuran MEDEC<br>(3) Kursus Pengurusan Perladangan , Pekebun Kecil anjuran FAMA |
| Kemahiran | : (1) Boleh bertutur dalam bahasa Malaysia dan Inggeris dengan baik.<br>(2) Boleh mengaplikasikan komputer dengan baik |
| Pengalaman Bekerja: | (1) Penolong pengurus, Saujana Hijau Sd. Bhd. |
| Pekerjaan Sekarang | : Penolong pengurus Perhubungan Awam, Hiroshige Sdn. Bhd. |
| Perniagaan Yang Pernah Diceburi | : - |

HASIL BUMI ENTERPRISE

## 2.0 PENGENALAN ORGANISASI

### *2.0.1. LOKASI TAPAK PROJEK*

Tapak projek kami terletak di Simpang Ampat, tidak berapa jauh dari Sekolah Kebangsaan Tabong Naning.Tapak tersebut dipilih kerana kedudukannya yang strategik , terletak di kawasan perkampungan, mudah untuk mendapatkan tenaga kerja dan tidak jauh dari jalan utama yang dapat memudahkan penghantaran hasil tanaman untuk dipasarkan.

### *2.0.2 KEDUDUKAN FIZIKAL*

Tapak ladang kami begitu sesuai untuk tanaman sayur-sayuran kerana keadaan tanahnya adalah bekas tapak sawah yang mana sesuai digunakan untuk pertanian. Tambahan pula sistem saliran dan pengairannya mudah diperolehi. Kawasan belukar kecil berhampiran dengan tapak ladang pula boleh menghalang tiupan angin kuat dan kurang binatang perosak. Tambahan pula ia terletak agak jauh dari kawasan perindustrian utama dan dapat menyelamatkan tanaman - tanaman hijau segar dari terkena asap kimia yang boleh memudaratkan penghasilannya.

### *2.0.3 BANGUNAN DAN PELAN*

Bangunan pejabat pula terletak di kawasan pusat perdagangan Naning. Kami menyewa pejabat ditingkat bawah. Kami memilih bangunan tersebut memandangkan ia terletak tidak terlalu jauh dari kawasan ladang dan ini memudahkan aktiviti ulang-alik para pegawai dan pekerja dari pejabat ke ladang.

## *2.0.4 KEMUDAHAN ASAS*

a ) Bekalan air bersih

Kawasan projek kami hanya memerlukan sedikit air yang bersih iaitu untuk kegunaan pejabat, tandas dan tempat kediaman pekerja. Bagi memastikan bekalan tersebut, kami akan memohon kemudahan air bersih daripada Jabatan Bekalan Air negeri Melaka.

b) Bekalan tenaga elekterik

Tenaga elektrik amat penting kerana ia akan digunakan untuk membekalkan tenaga cahaya kepada ruang pejabat, stor dan tempat kediaman para pekerja kami. Pendawaian elektrik tersebut akan dipohon melalui Tenaga Nasional Berhad daerah Alor Gajah.

c) Kemudahan talian telefon

Kemudahan telefon adalah mudah didapati kerana kawasan projek kami adalah berdekatan dengan kawasan kampung Perling, Alor Gajah.
Pendawaian kabel telefon adalah mudah didapati dan kami akan berhubung dengan pihak Telekom (M) Bhd. Derah Alor Gajah.

d) Jalinan jalanraya

Jalanraya adalah antara faktor yang penting terutama dalam memasarkan produk kami. Jalanraya yang menghubungkan kawasan projek dengan jalan besar adalah berturap dan ini dapat mengelakkan sayur-sayuran rosak, jika di bandingkan dengan pesaing-pesaing kami.

e) Kemudahan air sungai

Kemudahan ini adalah merupakan kelebihan projek kami kerana kawasan penanaman sayur-sayuran tersebut ada mempunyai dua batang sungai. Kemudahan ini adalah amat baik kerana ia menjimatkan kos penggunaan air untuk disiram kepada tanaman terutamanya dalam musim panas.

f) Kemudahan-kemudahan lain

Kawasan tanaman sayur-sayuran kami terletak berhampiran dengan kawasan Kampung Perling yang mempunyai kemudahan seperti surau, kedai runcit, kedai kelengkapan pertukangan, sumber tenaga kerja dan kemudahan baja organik (tahi ayam) daripada kawasan penternakan ayam yang berdekatan serta banyak lagi kemudahan-kemudahan lain.

## 2.1 RANCANGAN ORGANISASI

Aspek pentadbiran merupakan salah satu aspek yang perlu di beri penekanan dalam sesebuah organisasi perniagaan.Sistem pentadbiran yang teratur merupakan antara ciri kejayaan sesebuah organisasi yang efisyen dan bersistematik.

Maka dengan itu, di dalam aspek ini akan digariskan beberapa matlamat dan strategi sebagai penggerak kepada organisasi itu untuk memastikan sesebuah perniagaan itu berjalan dengan kemas dan lancar.

Bagi tujuan pencapaian matlamat tersebut, syarikat ini telah menubuhkan satu organisasi yang terdiri daripada seorang pengurus besar serta empat orang pegawai yang masing-masing menguruskan bahagian pentadbiran, operasi, pemasaran serta kewangan. Setiap pegawai yang dilantik perlu bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan.

Sikap bertanggungjawab adalah penting untuk memastikan sebuah perniagaan dipimpin dengan cekap dalam mencapai matlamat organisasi. Setiap pegawai yang dilantik juga mestilah sentiasa amanah dalam menjalankan tugas agar setiap matlamat yang dirancang dibawah aspek pengurusan mencapai objektifnya.

## 2.2 MATLAMAT ORGANISASI

Matlamat organisasi kami terbahagi kepada 2 iaitu matlamat khusus dan matlamat am.

### *2.2.1 Matlamat Khusus*

1) Memperkenalkan sayur - sayuran tempatan ke seluruh negeri Melaka hingglah ke seluruh Malaysia
2) Mengeluarkan hasil pertanian manual yang berkualiti bagi menyaingi pesaing - pesaing yang sedia ada.
3) Memenuhi perminaan pelanggan dengan mengeluarkan hasil yang maksimum mengikut harga dan citarasa pengguna.

### *2.2.2 Matlamat Am*

1) Menaikkan taraf pengusaha bumiputera dalam bidang penanaman khususnya sayur - sayuran kontan yang jarang diusahakan oleh kaum bumiputera secara komersial.
2) Mengurangkan kadar import sayur - sayuran dari negara luar dan dapat memperbaiki kemerosotan ekonomi negara..
3) Menggalakkan penyertaan lebih ramai kaum bumiputera terutamanya siswazah IPT dalam bidang penanaman sayur - sayuran secara komersial.
4) Menyahut seruan kerajaan dalam menjayakan dasar pertanian negara.

## 2.3 STRATEGI ORGANISASI

1) Mementingkan disiplin serta sikap hormat - menghormati dikalangan kakitangan baik pihak pengurusan mahupun pihak pekerja.
2) Peka terhadap persaingan bagi memperolehi jumlah pelanggan yang menggalakkan.
3) Sentiasa berusaha memperluaskan pasaran serta menaikkan nama organisasi bagi meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap hasil yang dikeluarkan.
4) Memandangkan organisasi kami baru ditubuhkan, penjimatan kos amat penting. Oleh itu setiap rakan akan turut besama menyumbangkan tenaga bersama buruh ladang di tapak pertanian. Sumbangan kami ini adalah untuk menjimatkan kos buruh serta memastikan kerja - kerja di tapak pertanian berjalan lancar.

## 2.4 STRUKTUR ORGANISASI

Oleh kerana perniagaan yang kami tubuhkan adalah kecil, kami telah memilih struktur berbentuk fungsian. Pemilihan ini dibuat kerana:

1) Ia dapat mengelakkan kekeliruan pengurusan apabila perjalanan operasi dilakukan berdasarkan fungsi dan kepakaran masing-masing iaitu pengurus besar, pegawai tadbir, pegawai operasi, pegawai pemasaran dan pegawai kewangan.
2) Ia dijangka dapat menjimatkan kos kerana sistem pengurusan menjadi lebih mudah dengan pengkhususan yang dibuat dan segala masalah dapat dikenal pasti seterusnya diatasi dengan mudah.
3) Mewujudkan hubungan yang baik di antara kakitangan dan majikan di dalam penghantaran maklumat dengan efektif dan pantas.

## 2.5 SENARAI JAWATAN DAN TUGAS-TUGASNYA

| JAWATAN | FUNGSI |
|---|---|
| Pengurus Besar | 1) Memastikan segala matlamat, perancangan dan strategi perniagaan berjalan dengan lancar dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh organisasi.<br>2) Sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi organisasi ke peringkat yang tertinggi dan cemerlang.<br>3) Menyelaraskan setiap aspek supaya tidak bercanggah dan mengelakkan daripada pertindihan tugas.<br>4) Berpengetahuan luas dan menyeluruh berkaitan dengan bidang perniagaan, khususnya bidang pemasaran, operasi, kewangan dan pentadbiran.<br>5) Mempunyai karisma , personaliti dan sikap yang disegani.<br>6) Sentiasa melahirkan idea-idea yang bernas demi meningkatkan prestasi organisasi dan mengkaji keberkesanannya dalam sesuatu jangka masa.<br>7) Berhubung baik dengan pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan perniagaan ini seperti para pekerja ,syarikat lain, pelanggan dan orang perseorangan.<br>8) Merangkap tugas menghantar pesanan produk ke setiap destinasi yang telah ditetapkan dan membantu kerja-kerja di ladang. |
| Pegawai Tadbir | 1)Mentadbir dan menguruskan hal ehwal pentadbiran serta memastikan segala tugas supaya berjalan dengan lancar.<br>2)Peka terhadap kebajikan dan keperluan pekerja serta cuba menyelesaikan masalah dengan memberi motivasi dan intensif pekerja agar mutu kerja dapat ditingkatkan seperti KWSP,PERKESO, kenaikan gaji , bonus dan cuti tahunan.<br>3) Menetapkan peraturan dan syarat dan tatatertib organisasi. |

| | |
|---|---|
| | 4) Merancang keperluan dan susunatur pejabat dengan melakar pelan susunatur pejabat serta melakukan kerja-kerja pejabat.<br>5) Menyediakan satu belanjawan , pentadbiran yang meliabatkan kos-kos seperti gaji dan upah , ubahsuai pejabat, pos, telefon, peralatan dan kelengkapan.<br>6) Membantu menyelesaikan tugas-tugas di ladang seperti kerja-kerja pembersihan ladang,membaja,merumput,meracun serta memetik hasil. |
| Pegawai Pemasaran | 1) Mengenalpasti strategi pemasaran dan promosi yang boleh digunakan untuk memperkenalkan produk Hasil Bumi Enterprise.<br>2) Berkebolehan berkomunikasi dan menguruskan hal-hal dalaman dan luaran organisasi supaya pelangggan lebih berkeyakinan untuk terus berurusniaga dengan organisasi ini.<br>3) Mencari peluang-peluang atau pelanggan baru bagi mengembangkan pasaran sayur-sayuran kami sama ada di dalam atau di luar negeri.<br>4) Menentukan cara pemasaran barangan seperti jualan borong dalam atau luar negeri dan jualan runcit serta menyediakan rancangan jangkamasa pendek dan panjang dalam strategi pemasaran.<br>5) Membantu menyelesaikan tugas-tugas di ladang seperti kerja-kerja pembersihan ladang, membaja, meracun rumput dan membawa hasil ke tempat jualan.<br>6) Menjual sayur-sayuran secara terus kepada orang ramai di tempat-tempat tertentu seperti pasar jualan terus. |
| Pegawai Operasi | 1) Memastikan urusan-urusan pengeluaran, pembungkusan dan penghantaran barangan berjalan dengan lancar dan memastikan ianya memenuhi kehendak dan permintaan pelanggan.<br>2) Menyelia tugas pekerja ladang yang bekerja dan menguruskan operasi pengeluaran.<br>3) Menganggarkan kuantiti barangan yang akan dihasilkan berdasarkan kepada faktor pokok,cuaca dan permintaan daripada pelanggan. |

| | |
|---|---|
| | 4) Mengestimasi kos pengeluaran, contohnya kos bahan mentah, kos penghantaran dan kos membekal.<br>5) Merangkap tugas menghantar pesanan produk ke destinasi-destinasi yang telah ditetapkan.<br>6) Turut membantu menyelesaikan tugas-tugas di ladang seperti kerja-kerja pembersihan ladang, membaja, meracun rumput serta memetik hasil. |
| Pegawai Kewangan | 1) Menguruskan hal ehwal kewangan yang menglibatkan pengaliran wang keluar masuk.<br>2) Mengaudit akuan pada setiap hujung tahun perakaunan dan menyelaraskan segala butir-butir penerimaan dan pembayaran wang.<br>3) Bertanggungjawab atas perbelanjaan pentadbiran, pemasaran, operasi dan pembiayaan kos projek.<br>4) Menyelaraskan semua perbelanjaaan termasuk gaji pekerja , segala hutang piutang , bil-bil invois dan hal-hal lain yang memerlukan tindakan selanjutnya.<br>5) Mengemukan laporan kewangan dan membentangkan kedudukan kewangan perniagaan dalam mesyuarat bulanan dan mesyuarat agung tahunan perniagaan.<br>6) Membantu menyelesaikan tugas-tgas di ladang seperti pegawai-pegawai lain. |

## 2.6 CARTA ORGANISASI
## HASIL BUMI ENTERPRISE



# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

SENARAI KAKITANGAN PENGURUSAN

| JAWATAN | BIL. KAKITANGAN | KELAYAKAN | SUMBER |
|---|---|---|---|
| PENGURUS BESAR | 1 | DPA | RAKAN KONGSI |
| PEGAWAI TADBIR | 1 | DPA | RAKAN KONGSI |
| PEGAWAI PEMASARAN | 1 | DPA | RAKAN KONGSI |
| PEGAWAI OPERASI | 1 | DPA | RAKAN KONGSI |
| PEGAWAI KEWANGAN | 1 | DPA | RAKAN KONGSI |
| BURUH LADANG | 3 | KEMAHIRAN BERLADANG | ORNG KAMPUNG |

## 2.7 IMBUHAN BALAS JASA DAN INSENTIF PEKERJA

### *2.7.1 GAJI*

Setiap pekerja tetap akan di berikan gaji yang berpetutan yang sesuai dengan kelayakan masing-masing. Kenaikan gaji tahuanan akan diberikan sekiranya pekerja berkenaan memberikan perkhidmatan cemerlang yang berterusan dan mempunyai inisiatif untuk mempertingkatkan kualiti dalm kerjaya.

### *2.7.2 BONUS*

Bonus akan diberikan kepada setiap pekerja selepas kedudukan syarikat telah kukuh dan stabil. Ianya adalah berdasarkan keuntungan bersih syarikat pada setiap hujung tahun perniagaan.

### *2.7.3 HARI BEKERJA*

Pekerja dibahagian pengurusan akan melaksanakam tugas enam hari seminggu seperti wakti pejabat biasa, manakala pekerja ladang akan bekerja setiap hari kecuali pada hari Jumaat berdasarkan jadual berikut:

| Pagi | Rehat | Petang |
|---|---|---|
| 7.30-12.00 | 12.00-3.30 | 3.30-5.30 |

Namun masa bekreja adalah tertakluk kepada pindaan pegawai operasi untuk menyesuaikan tugasan dengan situasi tanaman. Waktu bekerja di permulaan menanam adalah berbeza semasa memungut hasil.

### *2.7.4 CUTI TAHUNAN*

Cuti tahunan normal berdasarkan kalendar untuk hari-hari pelepasan am, contohnya Hari Raya Puasa. Namun begitu tambahan cuti akan diberi sekiranya permohonan dibuat oleh pekerja-pekerja ( dalam masa dua hari sebelum cuti ) beserta alasan yang munasabah.

*2.7.5 PERUBATAN*

Kos perubatan bagi pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik swasta akan ditanggung oleh pihak syarikat sekiranya ia berjumlah kurang daripada RM30. Ini adalah kerana sebagai syarikat yang baru di tubuhkan kami perlu menjimatkan kos. Namun jumlah kos perubatan ini akan dinaikkan apabila kedudukan syarikat telah kukuh dan stabil. Pekerja yang mengalami penyakit yang serius boleh membuat pinjaman daripada syarikat berdasarkan sysrat-syarat yang telah ditetapkan.

*2.7.6 PERKESO*

Perlindungan faedah akan diberikan apabila berlakunya kemalangan semasa menjalankan tugas.

*2.7.7 KWSP*

Caruman sebanyak 12% akan di carum oleh pihak syarikat, manakala pekerja hanya perlu mencarum sebanyak 11%.

*2.7.8 PENGINAPAN*

Kemudahan tempat tinggal akan diberikan kepada salah seorang pekerja ladang berhampiran dengan ladang supaya dapat mengawasi keselamatan ladang tersebut. Di samping itu juga lampu perlu pekerja tersebut perlu memasang lampu pada waktu malam dan senja terutamanya untuk memerangkap serangga.

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**2.8.1 JADUAL GAJI DAN CARUMAN PEKERJA BAGI TAHUN 2003**

| JAWATAN | BIL. KAKITANGAN | GAJI (RM ) | | KWSP ( 12% ) | | PERKESO ( 2% ) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BLN | THN | BLN | THN | BLN | THN |
| PENGURUS BESAR | 1 | 1000 | 12000 | 120 | 1440 | 20 | 240 |
| PEGAWAI TADBIR | 1 | 900 | 10800 | 108 | 1296 | 18 | 216 |
| PEGAWAI OPERASI | 1 | 900 | 10800 | 108 | 1296 | 18 | 216 |
| PEGAWAI PEMASARAN | 1 | 900 | 10800 | 108 | 1296 | 18 | 216 |
| PEGAWAI KEWANGAN | 1 | 900 | 10800 | 108 | 1296 | 18 | 216 |
| BURUH LADANG | 3 | 500x3 = 1500 | 18000 | 180 | 2160 | 30 | 360 |
| JUMLAH | | 6100 | 73200 | 732 | 8604 | 122 | 1464 |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**2.8.3 JADUAL GAJI DAN CARUMAN PEKERJA BAGI TAHUN 2005**

| JAWATAN | BIL. KAKITANGAN | GAJI (RM ) | | KWSP | | PERKESO | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BLN | THN | BLN | THN | BLN | THN |
| PENGURUS BESAR | 1 | 1100 | 13200 | 132 | 1584 | 22 | 264 |
| PEGAWAI TADBIR | 1 | 1000 | 12000 | 120 | 1440 | 20 | 240 |
| PEGAWAI OPERASI | 1 | 1000 | 12000 | 120 | 1440 | 20 | 240 |
| PEGAWAI PEMASARAN | 1 | 1000 | 12000 | 120 | 1440 | 20 | 240 |
| PEGAWAI KEWANGAN | 1 | 1000 | 12000 | 120 | 1440 | 20 | 240 |
| BURUH LADANG | 3 | 550x3 =1650 | 19800 | 198 | 2376 | 33 | 396 |
| JUMLAH | | 6750 | 81000 | 810 | 9720 | 135 | 1620 |

**2.9 PERANCANGAN KEPERLUAN PEJABAT**

| ALAT KELENGKAPAN | UNIT | KOS SEUNIT ( RM ) | JUMLAH ( RM ) |
|---|---|---|---|
| Meja dapur | 1 | 100 | 100 |
| Meja mesyuarat | 1 | 250 | 250 |
| Meja pejabat | 5 | 200 | 1000 |
| Set sofa | 1 | 500 | 500 |
| Kerusi pejabat | 5 | 100 | 500 |
| Kerusi biasa | 12 | 40 | 480 |
| Kabinet fail | 1 | 150 | 150 |
| Papan playwood | 2 | 200 | 400 |
| White board | 2 | 50 | 100 |
| Pemadam api | 2 | 60 | 120 |
| Telefon | 2 | 130 | 260 |
| Penghawa dingin | 1 | 1500 | 1500 |
| Komputer | 2 | 5000 | 10000 |
| Bakul sampah | 3 | 5 | 15 |
| Jumlah | | | 15375 |

**SUSUN ATUR PEJABAT**




22 X 65 KAKI

## 2.10 PERANCANGAN SUSUNATUR PEJABAT

Syarikat kami memerlukan ruang pejabat yang sederhana bagi memudahkan pengurusan personnel dan kewangan. Pejabat juga menjadi induk kepada perancangan operasi dan pemasaran. Bangunan pejabat kami terletak di 11-53 Pusat Perdagangan Naning, 73100 Alor Gajah, Melaka.. Ia bersambung dengan beberapa buah kedai dan restoran. Keluasannya adalah kira-kira 22x 65 kaki

( 1430kaki persegi ) sesuai untuk menempatkan beberapa jenis kelengkapan yang akan kami gunakan nanti.

## 2.11 PERBELANJAAN PENTADBIRAN

| PERKARA | PERBELANJAAN HARTA | PERBELANJAAN BULANAN | | | LAIN-LAIN PERBELANJAAN | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2003 | 2004 | 2005 | 2003 | 2004 | 2005 |
| Gaji | | 6100 | 6525 | 6570 | | | |
| KWSP | | 732 | 771 | 810 | | | |
| PERKESO | | 122 | 128.5 | 135 | | | |
| Sewa Bangunan | | 1200 | 1200 | 1200 | | | |
| Ubahsuai | 8000 | | | | | | |
| Insuran | | | | | 150 | 150 | 150 |
| Bil air, elektrik dan telefon | | 450 | 500 | 450 | | | |
| Insuran dan cukai jalan | | | | | 800 | 800 | 800 |
| Pendaftaran perniagaan | | | | | 25 | | |
| Lesen perniagaan | | | | | 40 | 40 | 60 |
| Alat tulis | | 100 | 100 | 100 | | | |
| Rumah pekerja | 2000 | | | | | | |
| Kelengkapan pejabat | 15375 | | | | | | |
| Jumlah | 25375 | 8704 | 9224.5 | 9265 | 1015 | 990 | 1010 |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

## 3.1 PENDAHULUAN

Hasil Bumi Enterprise adalah sebuah syarikat yang bakal memberi saingan kepada pengusaha-pengusaha dan pengedar sayur-sayuran di negeri Melaka. Kami menjalankan perniagaan dengan memasarkan tanaman kami kepada beberapa tempat dan tumpuan kami juga adalah pelanggan dari golongan orang awam, kakitangan kerajaan dan untuk kegunaan di hotel serta resort di negeri Melaka. Syarikat ini berkeupayaan mengeluarkan 7 jenis sayur-sayuran iaitu timun, kacang panjang, kacang buncis, cili, bayam, sawi dan terung yang boleh menampung permintaan di negeri Melaka. Secara tidak langsung kami dapat membantu negara di dalam mengurangkan import sayur-sayuran dari luar .

## 3.2 ANALISIS PEMASARAN

Terdapat beberapa bahagian analisa pemasaran yang akan dihuraikan satu-persatu. Bahagian-bahagian tersebut meliputi :

### 3.2.1 BENTUK PASARAN

Kami cuba mewujudkan sebuah syarikat yang bukan hanya bergantung pada satu-satu pengeluaran sahaja tetapi kepada 7 jenis sayur-sayuran yang mempunyai pasaran yang berbeza-berbeza. Ditegaskan di sini bahawa pasaran sayur-sayuran tempatan adalah masih dipenuhi oleh sayur-sayuran import. Oleh itu harga akan meningkat manakala mutunya mungkin tidak bermutu. Bagi kami, sayur-sayuran yang dikeluarkan adalah bermutu tinggi dan segar serta selamat dari penggunaan racun serangga yang berlebihan .

Maka dengan ini kami dapat menjangkakan akan mendapat permintaan yang tinggi terutamanya daripada surirumah-surirumah dan hotel-hotel kerana mereka ini amat mementingkan kesegaran serta harga yang lebih murah.Kami juga akan cuba untuk memenuhi permintaan kumpulan sasaran selaras dengan matlamat kami iaitu untuk membekalkan sayur-sayuran segar dan harga yang berpatutan.

### 3.2.2 SAIZ PASARAN.

Setelah kami membuat penyelidikan tentang permintaan pelanggan terhadap sayur-sayuran adalah amat tinggi bagi di negeri Melaka sahaja. Kami dapati secara puratanya pengeluaran setahun ialah 521458 kg dengan purata harga RM2.65 bagi 1 kg. Oleh itu saiz pasaran kami ialah:

Saiz pasaran = Jumlah sayur-sayuran x harga

= 521458 kg x RM 2.65

= **RM 1381864**

### 3.3 RAMALAN JUALAN

| TAHUN | BULAN | RAMALAN JUALAN |
|---|---|---|
| 1 | 1 | 10020 |
| | 2 | 10250 |
| | 3 | 9937.5 |
| | 4 | 10248 |
| | 5 | 10192 |
| | 6 | 9592.5 |
| | 7 | 10000.5 |
| | 8 | 10159 |
| | 9 | 10272.5 |
| | 10 | 11652 |
| | 11 | 10443 |
| | 12 | 10940 |
| 2 | | 185201 |
| 3 | | 344540 |

#### 3.3.1 SYER PASARAN

Setelah pengiraan dibuat, kami dapati syer pasaran bagi syarikat kami adalah:

$$\text{Syer Pasaran} = \frac{\text{Jualan}}{\text{Saiz Pasaran}} \times 100$$

$$= \frac{658448}{1381864} \times 100$$

$$= 47\%$$

## 3.4. STRATEGI PEMASARAN SECARA KESELURUHAN

| CIRI-CIRI | KOMEN | CATATAN |
|---|---|---|
| Harga | Rendah | Harga yang rendah berbanding pesaing. Ini dapat menarik pelanggan dan mudah menembusi pasaran. |
| Lokasi | Baik | Lokasi yang sangat strategik iaitu 1 jam perjalanan ke bandar Melaka, 20 minit ke Kampus ITM Melaka, dan berada di tengah-tengah perjalanan ke Air Keroh – Seremban. |
| Barangan ditawarkan | Banyak pilihan | Hasil pertanian yang kami keluarkan terdiri daripada 7 jenis sayur iaitu timun, kacang panjang, kacang buncis, terung, cili, sawi dan bayam. |
| Amaun pengiklanan | Sedikit | Usaha promosi secara kecil-kecilan sahaja dilakukan kerana hasil pertanian yang kami keluarkan adalah sudah menjadi pilihan ramai. Di samping itu, pihak Jabatan Pertanian negeri Melaka dan FAMA sedia membantu mempromosikan hasil syarikat kami sebagai salah satu bantuan dari pihak kerajaan untuk galakan. |
| Imej | Baik | Kami membawa imej yang bersih dan baik. Pengeluaran hasil pertanian yang segar dan bermutu serta penggunaan racun yang terkawal juga menjamin imej yang baik. |

## 3.4.1 KEKUATAN PESAING

Secara keseluruhannya pesaing kami adalah terdiri daripada pengusaha-pengusaha berkelompok di Kampung Perling. Mereka ini sememangnya berpengalaman dan cekap di dalam memasarkan hasil pertanian kerana sudah lama menceburi bidang ini. Kedudukan kewangan mereka juga kukuh di samping berupaya memastikan bayaran daripada pelanggan dan juga bayaran kepada pembekal dibuat dalam waktu yang ditetapkan.

Mereka sudah mempunyai pelanggan yang tetap dan dipercayai oleh pelanggan yang telah lama berurusan. Oleh yang demikian pelanggan lebih yakin kepada mereka ini berbanding pengusaha yang baru mula bertapak.

## 3.4.2 KELEMAHAN PESAING

Keseluruhan pesaing kami hanya menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan dan berkelompok. Oleh itu mereka tidak berkeupayaan untuk menerima pesanan dalam kuantiti yang tinggi. Kelemahan yang amat penting ialah para pesaing tidak memasarkan hasil mereka sendiri tetapi melalaui pemborong, ini akan meningkatkan kos dan seterusnya harga akan meningkat.Pesaing juga hanya menanam satu-satu jenis sayur dan ini akan menghadkan permintaan pelanggan mereka kepada jenis sayur tertentu sahaja. Ini akan dapat memastikan kami mampu bersaing dengan mereka ini.

## 3.4.3 STRATEGI PENGEDARAN

Disebabkan kesemua pelanggan kami adalah tetap maka kami tidak memerlukan khidmat pengedar. Walaubagaimanapun untuk menghantar produk kami ke tempat-tempat penjualan dan ke tempat tender-tender yang telah kami ambil, kami memerlukan sebuah lori yang akan bergerak setiap hari.

Bagi tahun ketiga kami bercadang untuk memasarkan produk kami secara meluas di kawasan negeri Melaka dahulu. Kemudian apabila hasil produk kami bertambah, kami ingin memasarkan produk kami ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Oleh kerana sayur-sayuran merupakan makanan yang penting bagi setiap penduduk, oleh itu kami rasa hasil pengedaran kami akan mendapat sambutan.

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

AGIHAN JUALAN PADA TAHUN 2003

| BIL | INDIVIDU/ SYARIKAT | BAHAGIAN PEMASARAN ( % ) | JUMLAH ( RM ) |
|---|---|---|---|
| 1 | PASARAN JUALAN LANGSUNG | 50 | 61852.5 |
| 2 | RESTORAN ZZ SELERA | 20 | 24741.4 |
| 3 | MAKTAB SAINS RENDAH MARA | 30 | 37112.1 |
| | JUMLAH | 100 | 123707 |

AGIHAN JUALAN PADA TAHUN 2004

| BIL | INDIVIDU/ SYARIKAT | BAHAGIAN PEMASARAN ( % ) | JUMLAH ( RM ) |
|---|---|---|---|
| 1 | PASARAN JUALAN LANGSUNG | 30 | 55560.3 |
| 2 | RESTORAN ZZ SELERA | 5 | 9260.05 |
| 3 | MAKTAB SAINS RENDAH MARA | 10 | 18520.1 |
| 4 | TANJUNG BIDARA BEACH RESORT | 20 | 37040.2 |
| 5 | SEK. MEN. SULTAN ALAUDDIN | 15 | 27780.15 |
| 6 | CENTURY MAHKOTA HOTEL | 20 | 37040.2 |
| | JUMLAH | 100 | 185201 |

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

AGIHAN JUALAN PADA TAHUN 2005

| BIL | INDIVIDU/ SYARIKAT | BAHAGIAN PEMASARAN ( % ) | JUMLAH ( RM ) |
|---|---|---|---|
| 1 | PASARAN JUALAN LANGSUNG | 5 | 17477 |
| 2 | RESTORAN ZZ SELERA | 3 | 10486.2 |
| 3 | MAKTAB SAINS RENDAH MARA | 7 | 24467.8 |
| 4 | TANJUNG BIDARA BEACH RESORT | 10 | 34954 |
| 5 | SEK. MEN. SULTAN ALAUDDIN | 5 | 17477 |
| 6 | CENTURY MAHKOTA HOTEL | 20 | 69908 |
| 7 | ITM MELAKA | 25 | 87385 |
| 8 | AIR KEROH D' VILLAGE RESORT | 25 | 87385 |
| | JUMLAH | 100 | 349540 |

## 3.5 ANGGARAN PERBELANJAAN PEMASARAN

| Perkara | Anggaran Perbelanjaan Pemasaran Untuk Setahun ( RM ) | | |
|---|---|---|---|
| Tahun | 2003 | 2004 | 2005 |
| Perjalanan dan pengangkutan | 14400 | 14400 | |
| Kad perniagaan | 1000 | 500 | 500 |
| Papan Perniagaan | 1500 | | |
| | 16900 | 14900 | 14900 |

## 4.0 RANCANGAN OPERASI

### 4.1 Rancangan pengeluaran operasi

Rancangan pengeluaran operasi merupakan rangkaian aktiviti merancang, mengguna dan mengawal segala sumber yang ada bagi menghasilkan sesuatu keluaran atau perkhidmatan sebagaimana seperti yang telah ditetapkan oleh oleh pihak pengurusan. Maka rancangan pengeluaran perlu disediakan untuk mengkaji samada semua perkara yang berkaitan dengan pengeluaran dan operasi dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan. Ini adalah untuk memastikan agar setiap aspek itu berdaya maju. Aspek ini dikatakan berdaya maju apabila perkara-perkara yang remeh dapat di kenalpasti terlebih dahulu. Dengan itu ia dapat memudahkan sesuatu operasi di sesuaikan dengan projek yang dirancangkan.

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

### 4.1.1 Barang yang dikeluarkan

Sayur timun, bayam, sawi, terung, cili, kacang buncis dan kacang panjang merupakan sayur-sayuran yang dipilih untuk dikeluarkan.

Pemilihan tanaman ini adalah kerana sayur-sayuran ini didapati berpotensi untuk dipasarkan dan mempunyai pasaran yang baik di negara ini.

Sayur-sayuran ini juga dapat mengeluarkan hasil dengan cepat bagi memenuhi keperluan pasaran. Timun boleh mengeluarkan hasil selepas 7-8 minggu selepas ditanam.

Bagi sayur bayam, ia boleh mengeluarkan hasil selepas 3-4 minggu ditanam manakala sawi pula boleh mengeluarkan hasil selepas 28-30 selepas menyemai.

Sementara itu, terung pula boleh menghasilkan buahnya selepas 8 minggu ditanam dan cili pula boleh mengelurkan hasil selepas 8 minggu diubah ke ladang.

Bagi kacang buncis dan kacang panjang pula, ia boleh mengeluarkan hasil selepas 7 minggu ditanam.

## 4.2 CARTA ALIRAN PENGELUARAN

O Pembersihan kawasan tanah sawah

↓

O Pembinaan rumah tanaman, stor dan sistem pengairan

↓

O Menyiapkan ruang semaian

↓

O Anak benih disemai di kotak semaian

↓

⇨ Anak benih dipindahkan ke ladang

↓

O Penyiraman dan pembajaan pokok dilakukan berterusan

↓

O Pengutipan hasil

↓

⇨ Di bawa ke pusat pengumpulan

↓

O Hasil ditimbang

↓

⇨ Hasil kemudiannya dijual

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

### 4.2.1 PENERANGAN CARTA

1) Pembersihan kawasan tanah

Pembersihan kawasan tanah dilakukan kerana kawasan ini dahulunya adalah merupakan kawasan sawah. Ii dilakukan bagi menyesuaikan keadaan tanah dengan tanaman yang akan ditanam.

2) Pembinaan rumah tanaman, stor dan sistem pengairan

Pembinaan ini dilakukan bagi memudahkan barangan kelengkapan seperti baja dan cangkul disimpan dan juga bagi memudahkan tanaman mendapatkan bekalan air.

3) Penyediaan ruang semaian

Ruang semaian disediakan bagi menjalankan kerja-kerja menyemai benih (bagi tanaman yang memerlukan benihnya disemai di dalam ruang semaian)

4) Anak benih disemai

Anak benih yang perlu desemai terlebih dahulu di ruang semaian disemai.

5) Anak benih dipindahkan ke ladang

Anak benih yang telah bercambah dipindahkan ke ladang untuk ditanam.

6) Pembajaan, dan penyiraman pokok dilakukan berterusan

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

Pembajaan dan penyiraman pokok perlu dilakukan berterusan bagi memastikan pokok dapat mengeluarkan hasil yang baik dan berkualiti. Penyiraman perlu dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali sehari manakala pembajaan pula dilakukan 3 kali sebulan.

7) *Pengutipan Hasil*

Pengutipan hasil dilakukan selepas pokok mengeluarkan hasil. Bagi pokok timun, hasil boleh diambil selepas 7-8 minggu ditanam. Bagi sawi dan bayam pula, hasilnya boleh diperolehi selepas 28-30 hari ditanam. Kacang buncis dan kacang panjang pula mengeluarkan hasil selepas 7 minggu ditanam manakala terung pula 8 minggu selepas ditanam.Bagi cili pula, ia dapat mengeluarkan hasil selepas 8 minggu ditanam.

8) *Dibawa ke pusat pengumpulan*

Selepas hasil dipungut, ia kemudiannya dikumpulkan di tempat pengumpulan untuk proses pengasingan.

9) *Hasil ditimbang*

Hasil kemudiannya ditimbang bagi menentukan berapakah jumlah hasil yang dapat dipungut dan bagi memudahkan proses penghantaran dan jualan.

10) *Sayur dijual*

Selepas selesai menjalankan proses penimbangan, sayu-sayur yang telah ditimbang akan dijual.

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**PETUNJUK:**

| **SIMBOL** | **PENERANGAN** |
|---|---|
|  | SESUATU OPERASI BERLAKU APABILA SESUATU BARANGAN DIUBAHSUAI ATAU DITUKAR SIFAT-SIFAT FIZIKALNYA. OPERASI JUGA BERLAKU APABILA MAKLUMAT DIBERI ATAU DITERIMA ATAU SEMASA PENGIRAAN DILAKUKAN. |
|  | SESUATU AKTIVITI ANGKUTAN BERLAKU APABILA BAHAN-BAHAN BERADA DI DALAM PROSES PERPINDAHAN DARI SATU TEMPAT KE SATU TEMPAT YANG LAIN. |

## 4.3 PROSES PENANAMAN

Proses penanaman merupakan proses yang merangkumi proses penyediaan tanah, menanam, penjagaan dan proses memungut hasil.

### 4.3.1 CARA-CARA MENANAM TIMUN

**Penyediaan Tanah**

- Tanah dibajak dan digemburkan sedalam 15 hingga 22cm (6-9 inci)
- Batas yang berukuran 1.2 m (4 kaki) lebar, 25cm (10inci) tinggi disediakan dan panjangnya mengikut keadaan kawasan.
- Jarak antara batas ialah 30 cm (1 kaki).
- 50kg tahi ayam reput digaulkan ke dalam tanah bagi kawasan 100 meter persegi.

**Menanam**

- 2 biji benih disemai terus selubang sedalam 2.5 cm (1 inci).
- Jarak tanaman ialah 60 cm (2 kaki) antara pokok dan 60 cm (2 kaki) antara baris.
- Sebanyak 15g biji benih di perlukan untuk kawasan seluas 100m persegi.
- Penjarangan dilakukan 10 hari selepas menanam.
- Tinggalkan sepokok selubang.

**PENJAGAAN**

**Sungkupan**

- Rumput kering, jerami padi atau lalang diletakkan di atas batas sebagai sungkupan.
- Bertujuan untuk menolong mengekalkan lembapan dan suhu tanah serta melambatkan pertumbuhan rumpai.

**Menyediakan Junjung**

- Kayu junjung di buat daripada kayu hutan atau buluh.
- Untuk membuat penyokong, kayu-kayu junjung berukuran 2m (6.5 kaki) panjang dipacak berhampiran dengan anak benih dan dicondongkan supaya bertentangan dan bertemu di atas batas.
- Kemudian sebatang kayu diletak melintang dan diikat untuk mendapatkan sokongan yang kuat.

**Menyiram**

- Timun memerlukan lembapan yang cukup untuk hidup subur.
- Timun disiram dua kali sehari iaitu pagi dan petang kecuali pada hari hujan.

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

**Membaja**

- Baja NPK Blue Special (12:12:17:2) sebanyak 10kg bagi kawasan seluas 100 meter persegi digunakan.
- Baja dibahagi kepada 3 kali pembajaan iaitu pada minggu ke 2, 4 dan 6 selepas menanam.

**Merumput**

- Rumpai dikawal sepanjang masa.
- Kerja merumput dilakukan dengan mencabut, mencangkul atau menajak.

**MEMUNGUT HASIL**

- Hasil dipetik 7 hingga 8 minggu selepas menanam.
- Buah dipetik apabila mencapai panjang lebih kurang 15 hingga 20cm (6-8 inci).
- Kutipan hasil dibuat 2 hari sekali selama satu bulan.
- Hasil adalah dianggarkan 200kg hingga 300 kg bagi 100 meter persegi kawasan.

### 4.3.2 CARA-CARA MENANAM SAWI

**Penyediaan Tanah**

- Tanah dibajak dan digembur sedalam 15-20cm.
- Batas yang berukuran 1.2m lebar, 7.5m panjang dan 20-30cm tinggi disediakan.

**Menanam**

- Biji benih sawi boleh ditanam terus ke atas batas.
- 1.5kg biji benih digunakan untuk sehektar.
- Sebelum menanam, biji benih dirawat dengan racun kulat thiram dan digaulkan dengan pasir halus atau tanah peroi dan ditabur sama rata ke dalam jalur-jalur pada batas.
- Penjarangan dibuat mengikut ukuran yang disyorkan iaitu 20cm antara baris (alur) dan 10cm antara pokok selepas 10-14 hari.

**Pembajaan**

- Bagi tanah mineral, baja organan digaulkan ke dalam batas untuk menentukan kesuburan pokok.
- Pembajaan yang disyorkan adalah seperti berikut:

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

| **Pusingan** | **Masa** | **Jenis Baja** | **Kadar/Batas** | **Kadar/Hek (650 batas)** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Sebelum menanam | Baja organan | 6kg | 4 tan |
| 2 | 2 minggu | NPK 15:15:15 | 0.4kg | 0.25 tan |
| 3 | 3 minggu | NPK15:15:15 | 0.5kg | 0.25 tan |

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

**Pengutipan Hasil**

- Sawi boleh dikutip 28-30 hari selepas menyemai.
- Sayur dipungut dengan memotong pada paras tanah.
- Hasilnya boleh juga dipungut apabila pokok mengeluarkan bunga.

**Pengairan**

- Sawi memerlukan air yang banyak untuk proses tumbesarannya.
- Penyiraman air dua kali sehari dalam musim panas dilakukan.
- Penyiraman secara manual atau sistem pengairan renjis boleh dilakukan.

**Kawalan Rumpai**

- Kawalan rumpai dilakukan secara manual dua kali sepanjang umur pokok.
- Racun glufosinate ammonium boleh digunakan di keliling batas dan parit.

## 4.3.3 CARA – CARA MENANAM KACANG BUNCIS

### PENDAHULUAN

Kacang buncis merupakan sejenis sayur kekacang yang berbuah dan sangat kaya dengan kandungan protein. Ia dipercayai berasal dari Amerika Tengah dan Amerika Selatan.

Pokok kacang buncis bertabiat tumbuh melilit, mempunyai akar tunjang dan sisi yang panjang dan memerlukan pancang untuk memanjat.

### JENIS – JENIS KACANG BUNCIS

- Terdapat dua jenis yang ditanam iaitu jenis rimbun dan memanjat.
- Jenis yang biasa ditanam di negara ini ialah jenis memanjat dimana terdapat 2 varieti yang dipilih oleh MARDI iaitu :

i? MBK 1 - Berbiji hitam, bebatang keperangan dan berbunga ungu. Jenis ini yang biasa ditanam dan disyorkan oleh MARDI.

ii? MBK 2 - Berbiji kemerahan, berbatang kehijauan dan berbunga putih. Jenis ini banyak ditanam di kawasan utara Semenanjung dan di Melaka.

### Penyediaan Tanah

- Kacang buncis boleh ditanam pada pelbagai jenis tanah dari pasir peroi hingga ke tanah liat.
- Tanah gembur, subur, baik salirannya dan pH 5.5 – 6.8 adalah paling sesuai untuk penanamannya.

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

**Penanaman**

**Menyediakan Kawasan**

- Tanah dibajak dan digemburkan sedalam 15 – 22 cm untuk pertumbuhan akar yang baik
- Batas berukuran 1.2 m lebar, 0.3 m tinggi disediakan dan panjangnya mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 0.6 m.

**Menanam**

- 4 biji benih ditanam selubang dalam dua barisan dengan jarak 0.6m antara baris dan 0.45m antara pokok.
- 2 pokok selubang ditinggalkan selepas anak benih bercambah.

**Menyediakan Junjung**

- Anak-anak tanaman yang berumur 3 minggu disokong dengan menggunakan kayu pancang berukura 1.8-2.4m.
- Kayu-kayu sokongan dicondongkan supaya bertentangan dan diikat di bahagian atas.
- Kemudian kayu tersebut dilentangkan pada tiap-tiap sudut yang bertemu.
- Bagi menyokong pokok menggunakan sistem trellis, 2 batang kayu disambungkan menggunakan dawai kasar untuk dijadikan junjung.
- Dawai sederhana kasar digunakan dan diikat dengan cara memanjang dan melintang.
- Tali rafia digunakan untuk membantu anak pokok memanjat junjung.

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**PENJAGAAN**

**Menyiram Air**

- Tanaman disiram pagi dan petang setiap hari kecuali hari hujan.

**Membaja**

- Baja tahi ayam sebanyak 2 tan digunakan untuk 0.4 hektar.
- Baja ditabur dalam satu parit di tengah batas atau tabur rata-rata di atas batas dan gaulkan dengan tanah.

**Merumput**

- Kawalan rumpai perlu dijalankan sepanjang masa untuk mengelakkan persaingan tanaman dengan rumpai.

**Memungut hasil**

- Hasil boleh mula dikutip 7 minggu selepas menanam.
- Kacang dikutip sebelummatang iaitu sebelum bii terbonjol.
- Kutipan dilakukan 2-3 hari sekali dalam masa tiga minggu.

## 4.3.4 CARA-CARA MENANAM TERUNG

**Tanah**

- Tanah dibajak dan digemburkan sedalam 15 hingga 22cm (6-9 inci).
- Batas berukuran 1.2m (48 inci) lebar dan 22-30cm (9-12 inci) tinggi disediakan.
- Jarak antara batas ialah 45cm (18 inci).
- Tahi ayam reput digaulkan ke dalam tanah sebanyak 25kg bagi 50 meter persegi.

**Menanam**

- Satu kotak berukuran 45 cm panjang, 22cm lebar dan 10cm tinggi disediakan.
- Kotak semaian ini disi dengan tanah campuran yang mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput dan 1 bahagian pasir.
- 3g biji benih disemai ke dalam kotak smaian secara barisan dan tutup benih dengan lapisan nipis tanah.
- Jarak antara barisan biji benih ialah 5cm dan 2cm antara biji benih.
- Siram dengan penyiram yang mempunyai semburan halus dua kali sehari.
- Kotak semaian mesti dilindungi dari cahaya cahaya matahari dan hujan yang berlebihan.
- Anak benih diubah ke ladang 3 hingga 4 minggu selepas disemai.
- Anak benih didedahkan kepada cahaya matahari selama 3 hingga 4 hari sebelum diubah ke ladang untuk mengeraskannya.
- Anak benih yang berumur 6 minggu boleh diubah terus ke batas.

- Sebelum mencabut, kotak semaian dibasahkan supaya anak benih anak benih senang digali.
- Kemudian tanam terus ke tanah.
- Jarak tanaman ialah 90cm antara pokok dan 150cm antara baris.

**Menyiram**

- Tanaman disiram pada awal pagi dan lewat petang setiap hari kecuali hari hujan.

**Membaja**

- Baja NPK Blue Special (12:12:17:2) ditabur di sekeliling pokok dengan kadar 1 sudu besar atau 10g sepokok setiap 2 minggu.

**Sungkupan**

- Rumput-rumput kering atau pelepah kelapa digunakan sebagai sungkupan.

**Merumput**

- Batas-batas dibersihkan dari rumput rumpai dengan menggunakan tangan, cangkul atau tajak.

**Menyediakan Sokongan**

- Satu kayu sokongan sepanjang lebih kurang 1.5m dipacak berdekatan tiap-tiap pokok.
- Dahan-dahan pokok diikat dengan tali rafia supaya buah terung tidak terkena tanah.

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

**Memungut Hasil**

- Buah boleh dipetik 8 minggu selepas mengubah.
- Pungutan hasil dibuat setiap 4 hari.
- Anggaran hasil ialah sebanyak 75 hingga 125kg bagi 50 meter persegi.

## 4.3.5 CARA – CARA MENANAM KACANG PANJANG

### PENDAHULUAN

Kacang panjang merupakan sejenis sayur kekacang yang berbuah dan sangat kaya dengan kandungan protein. Ia dipercayai berasal dari Amerika Tengah dan Amerika Selatan.

Pokok kacang panjang bertabiat tumbuh melilit, mempunyai akar tunjang dan sisi yang panjang dan memerlukan pancang untuk memanjat.

### Penyediaan Tanah

- Kcang panjang boleh ditanam pada pelbagai jenis tanah dari pasir peroi hingga ke tanah liat.
- Tanah gembur, subur, baik salirannya dan pH 5.5 – 6.8 adalah paling sesuai untuk penanamannya.

### Penanaman

#### Menyediakan Kawasan

- Tanah dibakaj dan digemburkan sedalam 15 – 22 cm untuk pertumbuhan akar yang baik
- Batas berukuran 1.2 m lebar, 0.3 m tinggi disediakan dan panjangnya mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 0.6 m.

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**Menanam**

- 4 biji benih ditanam selubang dalam dua barisan dengan jarak 0.6m antara baris dan 0.45m antara pokok.
- Setelah anak benih bercambah dan membesar, tinggalkan 2 pokok selubang sahaja.

**Menyediakan Junjung**

- Anak-anak tanaman yang berumur 3 minggu disokong dengan menggunakan kayu pancang berukura 1.8-2.4m.
- Kayu-kayu sokongan dicondongkan supaya bertentangan dan diikat di bahagian atas.
- Kemudian kayu tersebut dilentangkan pada tiap-tiap sudut yang bertemu.
- Bagi menyokong pokok menggunakan sistem trellis, 2 batang kayu disambungkan menggunakan dawai kasar untuk dijadikan junjung.
- Dawai sederhana kasar digunakan dan diikat dengan cara memanjang dan melintang.
- Tali rafia digunakan untuk membantu anak pokok memanjat junjung.

**PENJAGAAN**

**Menyiram Air**

- Tanaman disiram pagi dan petang setiap hari kecuali hari hujan.

**2.8.2 JADUAL GAJI DAN CARUMAN PEKERJA BAGI TAHUN 2004**

| JAWATAN | BIL. KAKITANGAN | GAJI (RM ) | | KWSP | | PERKESO | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BLN | THN | BLN | THN | BLN | THN |
| PENGURUS BESAR | 1 | 1050 | 12600 | 126 | 1512 | 21 | 252 |
| PEGAWAI TADBIR | 1 | 950 | 11400 | 114 | 1368 | 19 | 228 |
| PEGAWAI OPERASI | 1 | 950 | 11400 | 114 | 1368 | 19 | 228 |
| PEGAWAI PEMASARAN | 1 | 950 | 11400 | 114 | 1368 | 19 | 228 |
| PEGAWAI KEWANGAN | 1 | 950 | 11400 | 114 | 1368 | 19 | 228 |
| BURUH LADANG | 3 | 525x3 = 1575 | 18900 | 189 | 2268 | 31.5 | 378 |
| JUMLAH | | 6425 | 42900 | 771 | 9252 | 128.5 | 1542 |

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

**Membaja**

- Baja tahi ayam sebanyak 2 tan digunakan untuk 0.4 hektar.
- Baja ditabur dalam satu parit di tengah batas atau tabur rata-rata di atas batas dan gaulkan dengan tanah.

**Merumput**

- Kawalan rumpai perlu dijalankan sepanjang masa untuk mengelakkan persaingan tanaman dengan rumpai.

**Memungut hasil**

- Hasil boleh mula dikutip 7 minggu selepas menanam.
- Kacang dikutip sebelummatang iaitu sebelum bii terbonjol.
- Kutipan dilakukan 2-3 hari sekali dalam masa tiga minggu.

## 4.3.6 PROSES MENANAM BAYAM

**Tanah**

- Ditanam di tanah bembur liat ringan dan tanah liat berpasir.
- Mempunyai kemasaman tanah di antara 5.5-6.5.

**Penyediaan Batas**

- Tanah digembur dan dibajak.
- Ukuran batas ialah 120cm lebar, 20-30cm tinggi dan 760cm panjang.
- Jarak antara batas ialah 46cm.
- Tiga alur kecil memanjang di permukaan batas dibuat.

**Menanam**

- Ditanam terus dengan menggunakan biji benih.
- Biji benih digaul dengan tanah peroi sebelum disemai.
- Biji benih ditaburkan samarata ke dalam alur-alur di atas batas.
- Anak benih akan bercambah selepas 2-3 hari.
- Jarak antara pokok ialah 8-10cm manakala antara baris ialah 2-30cm.

**Membaja**

- Baja tahi ayam digunakan sebagai baja asas.
- Baja kimia juga digunakan seperti sulphate of ammonia, triple superphosphate dan muriate of potash.

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

## Menyiram

- Bayam memerlukan air yang banyak.
- Disiram dua kali sehari jika musim panas.

### Sungkupan

- Sungkupan diletakkan di atas bayas selepas menabur biji benih.
- Rumput kering dan pelepah kelapa boleh digunakan.

### Merumput

- Kawalan rumput dilakukan setiap masa.
- Dilakukan dengan menyembur racun atau mencabut dengan tangan.

### Memungut Hasil

- Boleh dipungut 3-4 minggu selepas ditanam atau selepas pokok mencapai ketinggian 20-25cm.
- Kutipan dibuat 3-7 hari sekali.

## 4.3.7 PROSES MENANAM CILI

**Tanah**

- Tanah dibajak dan digemburkan sedalam 15 hingga 22cm.
- Batas berukuran 1.2m lebar dan 22 hingga 30cm tinggi.
- Jarak antara batas ialah 45cm.
- Tahi ayam reput sebanyak 25kg ditaburkan bagi kawasan seluas 50m persegi.

**Menyedia Anak Benih**

- Kotak semaian berukura 45cm panjang, 22cm lebar dan 10cm tinggi.
- Kotak semaian diisi dengan tanah campuran yang mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput dan 1 bahagian pasir.
- 5g biji benih disemai ke dalam kotak semaian secara barisan dan ditutup dengan lapisan tanah nipis.
- Jarak tanaman ialah 5cm antara baris dan 2cm antara pokok.
- Siram dengan penyiram yang mempunyai semburan halus dua kali sehari.
- Anak benih diubah ke ladang selepas 3-4 minggu disemai.
- Anak benih didedahkan kepada cahaya matahari 3-4 hari untuk mengeraskannya sebelum diubah ke ladang.

**Menanam**

- Anak benih yang berumur 6 minggu boleh diubah terus ke ladang.
- Jarak tanaman ialah 90cm antara pokok dan 150cm antara baris.

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

## Menyiram

- Pokok disiram paa awal pagi dan lewat petang setiap hari kecuali hari hujan.

### Membaja

- Baja NPK Blue Special (12:12:17:2) ditabur di keliling pokok dengan kadar 1 sudu besar atau 10g sepokok setiap 2 minggu.

### Sungkupan

- Rumput-rumput kering atau pelepah kelapa digunakan sebagai sungkupan.

### Merumput

- Batas dibersihkan dari rumpai dengan menggunakan cangkul atau tajak.

### Memungut Hasil

- Cili boleh dipetik 8 minggu selepas diubah ke ladang.
- Pungutan hasil dibuat setiap 3 atau 4 hari.

## 4.4 KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT

Serangan serangga dan penyakit merupakan musuh utama yang dihadapi oleh para penanam sayur. Serangan serangga dan penyakit ini boleh menyebabakan hasil pengeluaran terjejas dan kualiti hasil terjejas. Oleh itu, kawalan serangga dan penyakit adalah penting dalam memastikan proses pengeluaran berjalan dengan lancar.

### 4.4.1 KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT BAGI SAYUR TIMUN

| PENYAKIT | KAWALAN |
|---|---|
| Serangan kumbang daun | Sembur dengan racun carbaryl dengan kadar 0.1 % bahan aktif (b.a) |
| Kutu daun | Sembur dengan racun malathion dengan kadar 0.1 % b.a. |
| Kulapuk berdebu | Lakukan semburan benomyl dengan kadar 0.025% b.a. |
| Kulapuk downy | Lakukan semburan benomyl dengan kadar 0.025% b.a. |

## 4.4.2 KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT BAGI SAYUR SAWI

| SERANGGA / JENIS PENYAKIT | KAWALAN |
|---|---|
| Ulat ratus (Army worm) (*Spodoptera litura*) | Sembur racun fenvalarate |
| Kumbang kutu ( *Phyllotera sinuata ateph*) | Sembur racun malathion |
| Ulat pangkas (Cut worm) (*Agrotis xpisilon*) | Sembur racun fenvalarate |
| Ulat pluttela (*Pluttela xylostella*) | Sembur racun Bacillus thuringiensis. Amalkan tanaman giliran. |
| Reput lembut (*Erwinia carotovora*) | Rawat biji benih dengan Thiram. Amalkan tanaman giliran dan tentukan saliran yang baik. |
| Bintik daun (Leaf spot) (*Cercospera spp*) | Rawat biji benih dengan thiram. |
| Reput daun (Leaf rot) (*Corticum solani*) | Cabut dan buang pokok yang berpenyakit. |

### 4.4.3 KAWALAN DAN PENYAKIT BAGI SAYUR KACANG BUNCIS

| **PENYAKIT** | **KAWALAN** |
|---|---|
| Binti berpusar (*colletrichum lindemuthianum)* | Baja reput relai ke dalam tanah. Gunakan biji benih yang sihat. Pastikan saliran yang baik. Sembur racun kulat seperti maneb dengan kadar 0.1% bahan aktif. |
| Layu bakteria (*Pseudomonas solanacearum)* | Pastikan saliran yang baik. |
| Karat (*Uromyces appendiculates*) | Sembur racun kulat seperti copper oxychloride dengan kadar 0.1% bahan aktif. |
| Reput pangkal *(Rhizoctonia solani*) | Cabut dan bakar semua tanaman yang berpenyakit. Sembur racun kulat seperti benomyl dengan kadar 0.25 bahan aktif. |
| Lalat buah *(Melanagromyza phaseoli*) | Sembur racun serangga seperti dimethoate dengan kadar 0.1% bahan aktif. |
| Ulat pengorek buah dan bunga *(Maruca testutalis)* | Sembur racun serangga seperti deltamethrin. |

## 4.4.4 PENYAKIT DAN KAWALAN BAGI SAYUR TERUNG

| PENYAKIT | KAWALAN |
|---|---|
| Ulat lipan daun. | Sembur racun serangga carbaryl. |
| Kumbang daun. | Sembur racun serangga carbaryl. |
| Pengorek buah. | Sembur racun serangga carbaryl. |
| Reput buah. | Gunakan racun kulat maneb. |
| Bintik daun. | Gunakan racun kulat benomyl. |

## 4.4.5 PENYAKIT DAN KAWALAN BAGI SAYUR KACANG PANJANG

| **PENYAKIT** | **KAWALAN** |
|---|---|
| Karat daun | Sembur racun kulat seperti copper oxychloride dengan kadar 0.1% bahan aktif |
| Reput daun | Gunakan racun serangga seperti benomyl. |
| Bintik daun. | Sembur racun kulat benomyl dengan kadar 0.2% bahan aktif. |

## 4.4.6 KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT BAGI SAYUR BAYAM

| PENYAKIT | KAWALAN |
|---|---|
| Serangan ulat pangkas *(Agrotis ypsilon rott)* | Sembur racun serangga seperti trichlorphon dengan kadar 0.1% b.a di sekeliling anak pokok |
| Serangan ulat ratus *( Prodenia litura F)* | Sembur dengan racun serangga seperti trichlorpon dengan kadar 0.1% b.a. |
| Hawar melecuh (*Cystobus bliti)* | Amalkan tanaman giliran. Tiada kawalan kimia yang berkesan. Tanam bayam pada kawasan baru yang bebas dari penyakit. |
| Lecuh anak benih (*Pythium aphani dermatum)* | Tanam di tanah yang mempiunyai saliran yang elok. Amalkan giliran. Elakkan menyiram berlebihan. Gaulkan 3g thiram (80 WP) dengan 100g biji benih sebelum menyemai. |

## 4.4.7 KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT BAGI SAYUR CILI

| PENYAKIT | KAWALAN |
|---|---|
| Bintik daun | Sembur dengan racun kulat benomyl |
| Antraknos buah | Sembur racun kulat seperti mancozeb |
| Kutu daun | Sembur racun serangga chlorphyrifos atau imidachloprid |
| Hamama merah | Sembur racun seperti dicofol atau malathion. |
| Kerekot daun dan mozek daun | (a) Penyakit ini disebar oleh kutu daun. Oleh itu kawalan kutu daun daun adalah penting.<br>(b) Buang dan bakar pokok yang berpenyakit. |
| Layu pokok (Layu bakteria) | Tiada kawalan kimia yang berkesan. Buang dan bakar pokok yang berpenyakit. Tentukan saliran yang elok. |

## 4.5 SENARAI HARGA BAHAN MENTAH

Bahan mentah adalah merupakan satu bahan yang penting yang digunakan dalam proses penanaman sayur.

### 4.5.1 SENARAI HARGA BENIH BAGI TAHUN 2003

| BENIH | KUANTITI (KG) | HARGA SEUNIT (RM) | KUANTITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| CILI | 1 | 60 | 2.5 | 150 |
| SAWI | 0.6 | 23 | 1.8 | 69 |
| KACANG BUNCIS | 0.5 | 27 | 2 | 108 |
| KACANG PANJANG | 0.3 | 25 | 1.5 | 125 |
| TIMUN | 0.2 | 46 | 1 | 230 |
| TERUNG | 0.2 | 37 | 1 | 185 |
| BAYAM | 1 | 60 | 2 | 120 |
| | | | **JUMLAH** | = 987 |

### 4.5.1 SENARAI HARGA BENIH BAGI TAHUN 2004

| BENIH | KUANTITI (KG) | HARGA SEUNIT (RM) | KUANTITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| SAWI | 0.6 | 23 | 1.8 | 69 |
| KACANG BUNCIS | 0.5 | 27 | 2 | 108 |
| KACANG PANJANG | 0.3 | 25 | 1.5 | 125 |
| | | | **JUMLAH** | = 302 |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**4.5.1 SENARAI HARGA BENIH BAGI TAHUN 2005**

| BENIH | KUANTITI (KG) | HARGA SEUNIT (RM) | KUANTITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| SAWI | 0.6 | 24 | 1.8 | 72 |
| KACANG BUNCIS | 0.5 | 27.50 | 2 | 110 |
| KACANG PANJANG | 0.3 | 25 | 1.5 | 125 |
| | | | **JUMLAH** = | 307 |

**4.5.2 SENARAI HARGA RACUN BAGI TAHUN 2003**

| RACUN | HARGA SEUNIT (RM) | KUANTITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|
| FUSILADE | 90 (1 LITER) | 4 LITER | 360 |
| PARAQUAT | 20 (1 LITER) | 4 LITER | 80 |
| LASSO | 23 (1 LITER) | 4 LITER | 92 |
| DUAL 720 | 55 (1 LITER) | 4 LITER | 220 |
| BASTA | 37.50 (1 LITER) | 4 LITER | 150 |
| DECIS | 32 (1 LITER) | 4 LITER | 128 |
| ELSAN | 39 (1 LITER) | 4 LITER | 156 |
| MANCEIAN | 48 (500 GRAM) | 3 KILOGRAM | 288 |
| TUREX | 32 (500 GRAM) | 3 KILOGRAM | 192 |
| | | **JUMLAH** = | 1666 |

**4.5.2 SENARAI HARGA RACUN BAGI TAHUN 2004**

| RACUN | HARGA SEUNIT (RM) | KUANTITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|
| FUSILADE | 91 (1 LITER) | 4 LITER | 364 |
| PARAQUAT | 20 (1 LITER) | 4 LITER | 80 |
| LASSO | 23.50 (1 LITER) | 4 LITER | 94 |
| DUAL 720 | 55 (1 LITER) | 4 LITER | 220 |
| BASTA | 37.50 (1 LITER) | 4 LITER | 150 |
| DECIS | 32 (1 LITER) | 4 LITER | 128 |
| ELSAN | 39 (1 LITER) | 4 LITER | 156 |
| MANCEIAN | 49 (500 GRAM) | 3 KILOGRAM | 294 |
| TUREX | 32 (500 GRAM) | 3 KILOGRAM | 192 |
| | | **JUMLAH** = | 1678 |

**4.5.2 SENARAI HARGA RACUN TAHUN KETIGA**

| RACUN | HARGA SEUNIT (RM) | KUANTITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|
| FUSILADE | 90 (1 LITER) | 4 LITER | 360 |
| PARAQUAT | 21 (1 LITER) | 4 LITER | 84 |
| LASSO | 23 (1 LITER) | 4 LITER | 92 |
| DUAL 720 | 55 (1 LITER) | 4 LITER | 220 |
| BASTA | 38 (1 LITER) | 4 LITER | 152 |
| DECIS | 32.50 (1 LITER) | 4 LITER | 130 |
| ELSAN | 39 (1 LITER) | 4 LITER | 156 |
| MANCEIAN | 48 (500 GRAM) | 3 KILOGRAM | 288 |
| TUREX | 33 (500 GRAM) | 3 KILOGRAM | 198 |
| | | **JUMLAH** = | 1680 |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

Di bawah ialah jumlah baja yang digunakan untuk tahun 2005

| BAJA | HARGA SEUNIT (RM) | KUATITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|
| TAHI AYAM REPUT | 4 | 48 | 192 |
| NPK BLUE SPECIAL (12:12:17:2) | 66 | 18 | 1188 |
| | | **JUMLAH** | = 1380 |

**4.5.3 SENARAI HARGA BAJA**

Baja adalah merupakan satu bahan mentah yang penting di dalam menjalankan proses penanaman sayur-sayuran.

Di bawah ialah jumlah baja yang digunakan untuk tahun 2003

| BAJA | HARGA SEUNIT (RM) | KUATITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|
| TAHI AYAM REPUT | 3 | 48 | 144 |
| NPK BLUE SPECIAL (12:12:17:2) | 65 | 18 | 1175 |
| | | JUMLAH | = 1319 |

Di bawah ialah jumlah baja yang digunakan untuk tahun 2004

| BAJA | HARGA SEUNIT (RM) | KUATITI DIPERLUKAN | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|
| TAHI AYAM REPUT | 3 | 48 | 144 |
| NPK BLUE SPECIAL (12:12:17:2) | 65 | 18 | 1175 |
| | | JUMLAH | = 1319 |

## 4.6 SENARAI KELENGKAPAN DAN PERBELANJAAN HARTA

Kelengkapan merupakan salah satu aset penting di dalam menjalankan perniagaan. Ianya dapat membantu dalam melicinkan proses-proses yang akan dijalankan di dalam perniagaan.

### 4.6.1 KELENGKAPAN KEBUN

| KELENGKAPAN | HARGA SEUNIT (RM) | KUANTITI | HARGA (RM) |
|---|---|---|---|
| CANGKUL | 8 | 10 | 80 |
| KERETA SORONG | 65 | 4 | 260 |
| KOTAK SEMAIAN | 4.00 | 200 | 800 |
| PENYEMBUR (TONG RACUN) | 150 | 4 | 600 |
| BUT GETAH | 10 | 10 | 100 |
| SARUNG TANGAN | 3 | 10 | 30 |
| TONG AIR | 5 | 15 | 75 |
| TOPI | 2.5 | 10 | 25 |
| PISAU | 2 | 10 | 20 |
| PARANG | 20 | 10 | 200 |
| PENGGALI | 7.5 | 2 | 15 |
| BAKUL PLASTIK | 15 | 7 | 105 |
| PETI SEJUK | 5000 | 1 | 5000 |
| | | **JUMLAH** = | 6510 |

### 4.6.2 PERBELANJAAN HARTA

| HARTA | UNIT | KOS (RM) |
|---|---|---|
| LORI KECIL | 1 | 40000 |
| STOR BARANGAN | 1 | 5000 |
| RUMAH PEKERJA | 1 | 2000 |
| PETI SEJUK | 1 | 5000 |
| JUMLAH | | **52000** |

**4.6.3 PERBELANJAAN OVERHEAD**

PERBELANJAAN OVERHED BAGI TAHUN 2003

| ITEM | PERBELANJAAN (SETAHUN) |
|---|---|
| ELEKTRIK | 3000 |
| PEKERJA SAMPINGAN | 96 |
| **JUMLAH** = | 3096 |

PERBELANJAAN OVERHED BAGI TAHUN 2004

| ITEM | PERBELANJAAN (SETAHUN) |
|---|---|
| ELEKTRIK | 3000 |
| PEKERJA SAMPINGAN | 128 |
| **JUMLAH** = | 3128 |

PERBELANJAAN OVERHED BAGI TAHUN 2005

| ITEM | PERBELANJAAN (SETAHUN) |
|---|---|
| ELEKTRIK | 3120 |
| PEKERJA SAMPINGAN | 128 |
| **JUMLAH** = | 3248 |

**4.7 SENARAI NAMA PEMBEKAL**

| **BAHAN** | **NAMA PEMBEKAL** |
|---|---|
| BAJA | 1) Pertubuhan Peladang Kawasan Peladang, No1. Jalan Pasar, 78000 Alor Gajah, Melaka.<br><br>2) West Mayer Sdn. Bhd. Jalan Semarak, 71800 Seremban, Negeri Sembilan. |
| KELENGKAPAN KEBUN | 1) Wattrade Hardware & Co. 27, Jalan Berkat 10, Tmn Malim Jaya, Melaka. |
| KELENGKAPAN PEJABAT | 1) Lim Kong Wah Furniture, 3698 Jalan Besar, 78000 Alor Gajah, Melaka. |

**4.8 Anggaran Pengeluaran Dan Pendapatan Bagi 3 Tahun Pertama**

Anggaran pengeluaran dan pendapatan adalah berbeza pada setiap tahun. Ini kerana ia bergantung pada keadaan cuaca dan harga pasaran di dalam tahun tersebut.

**4.8.1 Anggaran pengeluaran dan pendapatan bagi tahun 2003**

| JENIS SAYUR | KUANTTITI (KG) | HARGA SEKILOGRAM | PENDAPATAN (SETAHUN) |
|---|---|---|---|
| TIMUN | 13365 | RM 0.80 | RM10692 |
| SAWI | 8000 | RM 1.10 | RM 880 |
| TERUNG | 8500 | RM 0.80 | RM 6800 |
| KACANG BUNCIS | 3500 | RM 4.80 | RM16800 |
| KACANG PANJANG | 1900 | RM 2.65 | RM 5035 |
| BAYAM | 5000 | RM 0.70 | RM 3500 |
| CILI | 10000 | RM 8.00 | RM80000 |
| | | **JUMLAH** = | RM 123707 |

**4.8.2 Anggaran pengeluaran dan pendapatan bagi tahun 2004**

| JENIS SAYUR | KUANTITI (KG) | HARGA SEKILOGRAM | PENDAPATAN (SETAHUN) |
|---|---|---|---|
| TIMUN | 5510 | RM 0.60 | RM 3306 |
| SAWI | 950 | RM 0.90 | RM 855 |
| TERUNG | 4000 | RM 0.80 | RM 3200 |
| KACANG BUNCIS | 5000 | RM 4.50 | RM22500 |
| KACANG PANJANG | 5000 | RM 2.50 | RM12500 |
| BAYAM | 800 | RM 0.80 | RM 640 |
| CILI | 18000 | RM 7.90 | RM142200 |
| | | **JUMLAH** = | RM 185201 |

### 4.8.3 Anggaran pengeluaran dan pendapatan bagi tahun 3

| JENIS SAYUR | KUANTITI (KG) | HARGA SEKILOGRAM | PENDAPATAN SETAHUN |
|---|---|---|---|
| TIMUN | 6000 | RM 0.90 | RM5400 |
| SAWI | 12000 | RM 1.05 | RM 12600 |
| TERUNG | 4000 | RM 0.90 | RM3600 |
| KACANG BUNCIS | 19000 | RM 4.75 | RM90250 |
| KACANG PANJANG | 22252 | RM 2.70 | RM 55630 |
| BAYAM | 12325 | RM 0.80 | RM 9860 |
| CILI | 21000 | RM 8.20 | RM 172200 |
| | | **JUMLAH** | = RM 349540 |

**5.0 PENDAHULUAN**

Kewangan merupakan bahagian paling penting di dalam sesuatu perniagaan. Kecekapan dan keberkesanan pengurusan sesebuah syarikat bergantung padanya. Jika baik pengurusannya maka baiklah prestasi syarikat tersebut.

Di dalam mengelakkan pembaziran kos syarikat, perancangan yang rapi harus dilakukan supaya syarikat dapat beroperasi dengan lancar dan sempurna.

Di dalam bahagian ini, aspek-aspek kewangan iaitu penyediaan kos perlaksanaan projek, sumber pembiayaan projek, jadual susutniali aset tetap dan sebagainya dapat ditunjukkan untuk lebih meyakinkan pihak pembekal dan Jabatan Pertanian yang kami mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh .

## 5.1 SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK

| | | |
|---|---|---|
| 1. | MODAL SENDIRI | RM |
| | Wang tunai | 118000 |
| 2. | Bantuan dari Jabatan Pertanian | 15000 |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

## 5.1 SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK

### *5.1.1 MODAL SENDIRI*

Setiap ahli kongsi mengeluarkan modal sendiri sebanyak RM23600 seorang dan jumlah keseluruhannya ialah RM11800. Sumber modal sendiri ini diperolehi daripada pinjaman yang di beri oleh saudara-mara, rakan - rakan dan simpanan sendiri.

### *5.1.2 BANTUAN DARI JABATAN PERTANIAN*

Sebelum memulakan perniagaan ini, kami akan menghantar satu kertas cadangan kepada Jabatan Pertanian, Alor Gajah mengenai penanaman sayur-sayuran secara komersial yang ingin kami buat. Kemudian Jabatan Pertanian tersebut akan memberikan kami bantuan yang berbentuk pembersihan tanah, sisitem pengairan , sitem perparitan, peralatan seperti sprinkler, kayu untuk dibuat para, dan pengemburan tanah. Bantuan yang diberikan ini adalah berjumlah RM 15,000. Jabatan Pertanian mempunyai peruntukan untuk menolong kaum yang ingin bertani terutamanya kaum bumiputera. Usaha yang ingin kami jalankan ini adalah amat digalakkan. Seterusnya Jabatan Pertanian ini juga akan memberi kami bantuan berbentuk mesin iaitu kubota dan rotor. Kedua-dua mesin ini akan menjadi milik sementara kami selagi kami meneruskan usaha pertanian ini.

**5.2 JADUAL SUSUTNILAI ASET TETAP**

JENIS ASET : LORI

HARGA ASAL : 40,000

HAYAT EKONOMI : 5 TAHUN

NILAI SKRAP : 0

| TAHUN | NILAI ASAL | SUSUT NILAI TAHUN | SUSUTNILAI TERKUMPUL | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 40,000 | | | 40,000 |
| 1 | 40,000 | 8,000 | 8,000 | 32,000 |
| 2 | 40,000 | 8,000 | 16,000 | 24,000 |
| 3 | 40,000 | 8,000 | 24,000 | 16,000 |
| 4 | 40,000 | 8,000 | 32,000 | 8,000 |
| 5 | 40,000 | 8,000 | 40,000 | 0 |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

JENIS ASET : PENGHAWA DINGIN

HARGA ASAL : RM 1,500

HAYAT EKONOMI : 3 TAHUN

NILAI SKRAP : 0

| TAHUN | NILAI ASAL | SUSUTNILAI TAHUNAN | SUSUTNILAI TERKUMPUL | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 1,500 | | | 1,500 |
| 1 | 1,500 | 500 | 500 | 1,000 |
| 2 | 1,500 | 500 | 1,000 | 500 |
| 3 | 1,500 | 500 | 1,500 | 0 |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

JENIS ASET : STOR BARANGAN

HARGA ASAL : RM 5,000

HAYAT EKONOMI : 5 TAHUN

NILAI SKRAP : 0

| TAHUN | NILAI ASAL | SUSUTNILAI TAHUNAN | SUSUTNILAI TERKUMPUL | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 5,000 | | | 5,000 |
| 1 | 5,000 | 1,000 | 1,000 | 4,000 |
| 2 | 5,000 | 1,000 | 2,000 | 3,000 |
| 3 | 5,000 | 1,000 | 3,000 | 2,000 |
| 4 | 5,000 | 1,000 | 4,000 | 1,000 |
| 5 | 5,000 | 1,000 | 5,000 | 0 |

# *HASIL BUMI ENTERPRISE*

| | |
|---|---|
| JENIS ASET | : PERABOT DAN KELENGKAPAN |
| HARGA ASAL | : RM 3875 |
| HAYAT EKONOMI | : 5 TAHUN |
| NILAI SKRAP | : 0 |

| TAHUN | NILAI ASAL | SUSUTNILAI TAHUNAN | SUSUTNILAI TERKUMPUL | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 3875 | | | 3875 |
| 1 | 3875 | 775 | 775 | 3100 |
| 2 | 3875 | 775 | 1550 | 2325 |
| 3 | 3875 | 775 | 2325 | 1550 |
| 4 | 3875 | 775 | 3100 | 775 |
| 5 | 3875 | 775 | 3875 | 0 |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

JENIS ASET : RUMAH PEKERJA

HARGA ASAL : RM 2000

HAYAT EKONOMI : 5 TAHUN

NILAI SKRAP : 0

| TAHUN | NILAI ASAL | SUSUTNILAI TAHUNAN | SUSUTNILAI TERKUMPUL | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 2000 | | | 2000 |
| 1 | 2000 | 400 | 400 | 1600 |
| 2 | 2000 | 400 | 800 | 1200 |
| 3 | 2000 | 400 | 1200 | 800 |
| 4 | 2000 | 400 | 1600 | 400 |
| 5 | 2000 | 400 | 2000 | 0 |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

JENIS ASET : UBAHSUAI

HARGA ASAL : RM 8000

HAYAT EKONOMI : 4 TAHUN

NILAI SKRAP : 0

| TAHUN | NILAI ASAL | SUSUTNILAI TAHUNAN | SUSUTNILAI TERKUMPUL | NILAI BUKU |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 8000 | | | 8000 |
| 1 | 8000 | 2000 | 2000 | 6000 |
| 2 | 8000 | 2000 | 4000 | 4000 |
| 3 | 8000 | 2000 | 6000 | 2000 |
| 4 | 8000 | 2000 | 8000 | 0 |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**LEMBARAN KERJA**

**5.3 KOS PERLAKSANAN PROJEK**

| **PELABURAN ASET TETAP** | **RM** | |
|---|---|---|
| Lori | 40000 | |
| Perabot dan kelengkapan | 15375 | |
| Stor barangan | 5000 | |
| Rumah pekerja | 2000 | |
| Ubahsuai | 8000 | |
| Peti sejuk | 5000 | |
| | -------- | 75375 |
| **MODAL PUSINGAN ( BULANAN )** | | |
| *Belanja Pemasaran* | | |
| Papan tanda | 1500 | |
| Kad perniagaan | 500 | |
| Perjalanan dan pengangkutan | 1200 | |
| | ------- | 3200 |
| *Belanja Operasi* | | |
| Bahan mentah | 3972 | |
| Overhed | 258 | |
| Sewa tanah | 200 | |
| Cukai tanah | 80 | |
| Insuran | 200 | |
| Peralatan | 6510 | |
| | ------- | 11220 |
| *Belanja Pentadbiran* | | |
| Insuran dan cukai jalan | 800 | |
| Bil air, elektrik dan telefon | 450 | |

| | | |
|---|---|---|
| Alat tulis | 100 | |
| Insuran | 150 | |
| Gaji | 6100 | |
| KWSP | 732 | |
| PERKESO | 122 | |
| Sewa bangunan | 1200 | |
| | -------- | 9654 |
| *Belanja Kewangan* | | |
| Perkhidmatan bank | | 305 |
| | | |
| *Lain-lain Perbelanjaan* | | |
| Belanja prmulaan | 65 | |
| Deposit | 4000 | |
| | --------- | 14065 |
| *Belanja luar jangka* | | 4181 |
| | | |
| **KOS PERLAKSANAAN PROJEK** | | **118000** |

**5.4 PROFORMA ALIRAN TUNAI**

| | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **BULAN** | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** | **6** | **7** | **8** | **9** | **10** | **11** | **12** | **2003** | **2004** | **2005** |
| **A** | **PENERIMAAN TUNAI** | | | | | | | | | | | | | | | |
| | Anggaran baki awal bulan | | 10020 | 9353 | 8373.5 | 7704.5 | 6979.5 | 5655 | 4138.5 | 3380.5 | 2736 | 3471 | 2997 | | 3020 | 30844 |
| | Modal sendiri | 118000 | | | | | | | | | | | | 118000 | | |
| | Jualan tunai | 10020 | 10250 | 9937.5 | 10248 | 10192 | 9592.5 | 10000.5 | 10159 | 10272.5 | 11652 | 10443 | 10940 | 123707 | 185201 | 349540 |
| | **JUMLAH PENERIMAAN TUNAI** | **128020** | **20270** | **192905** | **18621.5** | **17896.5** | **16572** | **15655.5** | **14297.5** | **13653** | **14388** | **13914** | **13937** | **241707** | **188221** | **380384** |
| **B** | **PEMBAYARAN TUNAI** | | | | | | | | | | | | | | | |
| *a* | *Belanja Operasi :* | | | | | | | | | | | | | | | |
| | Bahan mentah | 3972 | | | | | | | | | | | | 3972 | 3299 | 3367 |
| | sewa tanah | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 2400 | 14400 | 14400 |
| | overhed | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 258 | 3096 | 3128 | 3248 |
| | insuran | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 200 | 2400 | 2400 | 2400 |
| | cukai tanah | 80 | | | | | | | | | | | | 80 | 80 | 90 |
| | peralatan | 6510 | | | | | | | | | | | | 6510 | | |
| *b* | *Belanja pemasaran :* | | | | | | | | | | | | | | | |
| | kad perniagaan | 500 | | | | | | 500 | | | | | | 1000 | 500 | 500 |
| | pengangkutan | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 14400 | 14400 | 14400 |
| | papan tanda | 1500 | | | | | | | | | | | | 1500 | | |
| *c* | *belanja pentadbiran :* | | | | | | | | | | | | | | | |
| | sewa bangunan | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 1200 | 14400 | 14400 | 14400 |
| | air/elektrik/tel | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 450 | 5400 | 6000 | 5400 |
| | insuran | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 150 | 1800 | 1800 | 1800 |
| | alat tulis | 100 | | | | | | 100 | | | | | | 200 | 200 | 100 |
| | KWSP | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 732 | 8784 | 9252 | 9720 |
| | PERKESO | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 122 | 1464 | 1542 | 1620 |
| | gaji | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 6100 | 73200 | 77100 | 81000 |
| | insuran dan cukai jalan | 800 | | | | | | | | | | | | 800 | 800 | 800 |
| *d* | *Belanja kewangan :* | | | | | | | | | | | | | | | |
| | perkhidmatan bank | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 305 | 3660 | 3885 | 4050 |
| *e* | *Belian aset tetap :* | | | | | | | | | | | | | | | |
| | peti sejuk | 5000 | | | | | | | | | | | | 5000 | | |
| | lori | 40000 | | | | | | | | | | | | 40000 | | |
| | perabot & kelengkapan | 15375 | | | | | | | | | | | | 15375 | | |
| | ubahsuai | 8000 | | | | | | | | | | | | 8000 | | |
| | rumah pekerja | 2000 | | | | | | | | | | | | 2000 | | |
| | stor barangan | 5000 | | | | | | | | | | | | 5000 | | |
| *f* | *Lain-lain perbelanjaan :* | | | | | | | | | | | | | | | |
| | deposit | 14000 | | | | | | | | | | | | 14000 | | |
| | belanja luar jangka | 4181 | | | | | | | | | | | | 4181 | 4181 | 4181 |
| | lesen&pendaftaran | 65 | | | | | | | | | | | | 65 | 40 | 60 |
| | **JUMLAH PEMBAYARAN TUNAI** | 118000 | 10917 | 10917 | 10917 | 10917 | 10917 | 11517 | 10917 | 10917 | 10917 | 10917 | 10917 | 238687 | 157377 | 161536 |
| **C** | **LEBIHAN/KURANGAN (A-B)** | **10020** | **9353** | **8373.5** | **7704.5** | **6979.5** | **5655** | **4138.5** | **3380.5** | **2736** | **3471** | **2997** | **3020** | **3020** | **30844** | **218848** |
| **D** | **ANGGARAN BAKI TUNAI AKHIR BULAI** | **10020** | **9353** | **8373.5** | **7704.5** | **6979.5** | **5655** | **4138.5** | **3380.5** | **2736** | **3471** | **2997** | **3020** | **3020** | **30844** | **218848** |
| | | | | | | | | | | | | | | | | |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**5.5 PROFORMA PENYATAPERDAGANGAN, UNTUNG DAN RUGI**

**PROFORMA PENYATA PERDAGANGAN, UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2003**

| | RM | RM | RM |
|---|---|---|---|
| **JUALAN** | | | **123707** |
| | | | |
| *Belanja Operasi* | | | |
| Insurans | 2400 | | |
| Overhed | 3096 | | |
| Bahan mentah | 3972 | | |
| Cukai tanah | 80 | | |
| Sewa tanah | 2400 | | |
| Peralatan | 6510 | | |
| Susut nilai: | | | |
| stor barangan | 1000 | | |
| lori | 8000 | | |
| rumah pekerja | 400 | | |
| peti sejuk | 1000 | | |
| ubahsuai | 2000 | | |
| | ------ | 30858 | |
| *Belanja Pemasaran* | | | |
| Perjalanan dan | | | |
| pengangkutan | 14400 | | |
| Kad perniagaan | 1000 | | |
| Papan tanda | 1500 | | |
| | ------- | 16900 | |

| | | |
|---|---|---|
| *Belanja Pentadbiran* | | |
| Bil air, elektrik& tel | 5400 | |
| Gaji | 73200 | |
| Insuran | 1800 | |
| Sewa bangunan | 14400 | |
| Alat tulis | 200 | |
| Lesen | 40 | |
| KWSP | 8784 | |
| PERKESO | 1464 | |
| Insuran & cukai jalan | 800 | |
| Susut nilai : | | |
| komputer | 2000 | |
| perabot dan kelengkapan | 775 | |
| penghawa dingin | 500 | |
| | ------ | 109363 |
| *Belanja kewangan* | | |
| Perkhidmatan bank | | 3660 |
| *Perbelanjaan lain* | | |
| Belanja Permulaan | 25 | |
| Deposit | 14000 | |
| | -------- | 14025 |
| *Belanja luar jangka* | | 4181 |

| | |
|---|---|
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | **178987** |
| **RUGI BERSIH** | **55280** |

*HASIL BUMI ENTERPRISE*

**5.6 PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

| *ASET TETAP* | *RM* | *EKUITI* | *RM* |
|---|---|---|---|
| Lori | 40000 | Modal | **118000** |
| (-) susutnilai terkumpul | 8000 | + Rugi | **(55280)** |
| | -------- | | |
| | *32000* | | |
| Komputer | 10000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 2000 | | |
| | -------- | | |
| | *8000* | | |
| Stor barangan | 5000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 1000 | | |
| | ------- | | |
| | *4000* | | |
| Perabot dan kelengkapan | 3875 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 775 | | |
| | ------- | | |
| | *3100* | | |
| Penghawa dingin | 1500 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 500 | | |
| | ------ | | |
| | *1000* | | |
| Rumah pekerja | 2000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 400 | | |
| | ------ | | |
| | *1600* | | |
| Peti sejuk | 5000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 1000 | | |
| | ------ | | |
| | *4000* | | |
| Ubahsuai | 8000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 2000 | | |
| | ------ | | |
| | *6000* | | |
| | ------ | | |
| | **59700** | | |
| *ASET SEMASA* | | | |
| Tunai | **3020** | | |
| **JUMLAH ASET DAN LIABILITI** | **62720** | | **62720** |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

**PROFORMA PENYATA PERDAGANGAN, UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004**

| | RM | RM | RM |
|---|---|---|---|
| **JUALAN** | | | **185200** |
| | | | |
| *Belanja Operasi* | | | |
| Insurans | 2400 | | |
| Overhed | 3128 | | |
| Bahan mentah | 3299 | | |
| Cukai tanah | 80 | | |
| Sewa tanah | 14400 | | |
| Susut nilai: | | | |
| stor barangan | 1000 | | |
| lori | 8000 | | |
| rumah pekerja | 400 | | |
| peti sejuk | 1000 | | |
| ubahsuai | 2000 | | |
| | ------ | 35707 | |
| *Belanja Pemasaran* | | | |
| Perjalanan dan | | | |
| pengangkutan | 14400 | | |
| Kad perniagaan | 500 | | |
| | ------ | 14900 | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| *Belanja Pentadbiran* | | | |
| Bil air, elektrik& tel | 6000 | | |
| Gaji | 77100 | | |
| Insuran | 1800 | | |
| Sewa bangunan | 14400 | | |
| Alat tulis | 200 | | |
| Lesen | 40 | | |
| KWSP | 9252 | | |
| PERKESO | 1542 | | |
| Insuran & cukai jalan | 800 | | |
| Susut nilai : | | | |
| komputer | 2000 | | |
| perabot dan kelengkapan | 775 | | |
| penghawa dingin | 500 | | |
| | ------ | 114409 | |
| *Belanja kewangan* | | | |
| Perkhidmatan bank | | 3855 | |
| *Belanja luar jangka* | | 4181 | |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | | **173052** |
| **UNTUNG BERSIH** | | | **12149** |

*Belanja Pentadbiran*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Bil air, elektrik& tel | 5400 | | |
| Gaji | 81000 | | |
| Insuran | 1800 | | |
| Sewa bangunan | 14400 | | |
| Alat tulis | 100 | | |
| Lesen | 60 | | |
| KWSP | 9720 | | |
| PERKESO | 1620 | | |
| Insuran & cukai jalan | 800 | | |
| Susut nilai : | | | |
| komputer | 2000 | | |
| perabot dan kelengkapan | 775 | | |
| penghawa dingin | 500 | | |
| | ------ | 118175 | |
| *Belanja kewangan* | | | |
| Perkhidmatan bank | | 4050 | |
| *Perbelanjaan lain* | | | |
| *Belanja luar jangka* | | 4181 | |
| | | | |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | | **177211** |
| **UNTUNG BERSIH** | | | **172329** |

## *HASIL BUMI ENTERPRISE*

**PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA BAGI**
**TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

| *ASET TETAP* | *RM* | *EKUITI* | *RM* |
|---|---|---|---|
| Lori | 40000 | Modal | **118000** |
| (-) susutnilai terkumpul | 24000 | | |
| | ------- | + Untung terkumpul | 172329 |
| | *16000* | | + (43131) |
| Komputer | 10000 | | --------- |
| (-) susutnilai terkumpul | 6000 | | **129198** |
| | ------- | | |
| | *4000* | | |
| Stor barangan | 5000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 3000 | | |
| | ------- | | |
| | *2000* | | |
| Perabot & kelengkapan | 3875 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 2325 | | |
| | ------- | | |
| | *1550* | | |
| Penghawa dingin | 1500 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 1500 | | |
| | ------ | | |
| | - | | |
| Rumah pekerja | 2000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 1200 | | |
| | ------ | | |
| | *800* | | |
| Peti sejuk | 5000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 3000 | | |
| | ------ | | |
| | *2000* | | |
| Ubahsuai | 8000 | | |
| (-) susutnilai terkumpul | 6000 | | |
| | ------ | | |
| | *2000* | | |
| | ------ | | |
| | **28350** | | |
| *ASET SEMASA* | | | |
| Tunai | **218848** | | |
| **JUMLAH ASET DAN LIABILITI** | **247198** | | **247198** |